


Jilid I
Bil. 6



Hari Selasa
19hb Oktober, 1982

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 615]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 653]

USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong [Ruangan 654]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T. (Kubang
Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S.,
D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J.,
K.M.N. (Seremban).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y. M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y. M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu
Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN,
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J. B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO'
S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai
Siput).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOHKAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Air Hitam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N., (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN
HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON
PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos,
TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan
Sukan, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL
KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan
Kemajuan Wilayah, Tuan Zainal Abidin bin Zin (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan
Luar Bandar, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P.
(Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A.,
S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota
Setar).
- „ TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS
(Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P.
(Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).

- Yang Berhormat DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON (Ipoh).
- „ TUAN DAUD BIN HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED (Rantau Panjang).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGOT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE KIM SAI (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).

Yang Berhormat TUAN MAMAT BIN ABDUL RAHMAN (Ulu Nerus).

- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ TUAN AHMAD SHAH BIN DATO HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID (Matang).
- „ TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ DATO HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).
- „ DATO HAJI MOHAMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO NGAH BIN A. RAHMAN (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN SAIDIN BIN MAT PIAH (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).

Yang Berhormat DR TAN SENG GIAW (Kepong).
,, TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
,, WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
,, WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
,, WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
,, WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
,, TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).
,, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
,, TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
,, DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramasamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 19hb Oktober, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang
Berhormat Tuan Haji Azharul Abidin
bin Haji Abdul Rahim.

*(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Haji
Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim
tidak hadir)*

PEMANDU KENDERAAN—
SISTEM MARKAH

2. Dato' Lee Kim Sai minta Menteri
Pengangkutan adakah satu sistem
markah untuk pemandu-pemandu
kenderaan awam akan dilaksanakan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan
(Dato Abu Hassan bin Haji Omar):**
Tuan Yang di-Pertua, memang benar
Kerajaan akan melaksanakan satu
sistem di mana pemandu-pemandu
kenderaan yang disabitkan kesalahan
lalulintas dan dihukum, baik oleh
mahkamah ataupun pihak berkuasa
lain, diberi pula mata kesalahan/
markah (demerit point) kemudiannya.

Sistem yang dinamakan "Sistem
Keselamatan Jalanraya (KEJARA) ini
bertujuan mewujudkan pemandu-
pemandu di atas jalanraya yang
disiplin, bertanggungjawab serta
bertimbangrasa yang kelak seterusnya

dapat mengurangkan kemalangan-
kemalangan di atas jalanraya. Per-
laksanaannya hanya akan dijalankan
sebaik saja kajian lengkap serta
pindaan-pindaan perlu kepada
Ordinan Lalulintas 1958 siap dibuat.

Di samping itu, untuk maklumat
Ahli Yang Berhormat, markah-
markah juga, di bawah sistem yang
dinamakan 'Bonus Point System', akan
diberi kepada pemandu-pemandu
kenderaan yang tiada melakukan apa-
apa kesalahan lalulintas. Sistem ini,
seperti "Sistem Keselamatan Jalan-
raya" hanya akan dilaksanakan selepas
kajian yang mendalam diperbuat.

SOCSCO—FAEDAH LEBIH

3. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri
Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan
sama ada faedah bagi pekerja-pekerja
adalah lebih baik di bawah Socso, Skim
Keselamatan Sosial Pekerja ataupun di
bawah "Workmen's Compensation";
jika Socso tidak lebih menguntungkan
pekerja-pekerja mengapa Socso tidak
mengadakan faedah-faedah yang lebih
baik dan lebih banyak bagi mereka.

**Timbalan Menteri Buruh dan
Tenaga Rakyat (Datuk William Lye
Chee Hien):** Tuan Yang di-Pertua,
kedua-dua Skim yang dimaksudkan
oleh Ahli Yang Berhormat iaitu Skim
Keselamatan Sosial Pekerja dan
Workmen's Compensation merupakan
skim-skim yang diwujudkan demi
kebajikan pekerja-pekerja.

Perbezaan utama di antara skim
Pampasan Pekerja atau Workmen's
Compensation dan Skim Keselamatan

Sosial Pekerja adalah bahawa pampasan di bawah Skim Pampasan Pekerja dibayar sekaligus dan pekerja-pekerja tidak perlu membuat pencaruman manakala pembayaran pampasan di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja adalah dibuat pada setiap bulan dan pihak pekerja adalah juga membuat pencaruman di bawah Skim Pencen Ilat di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja.

Oleh yang demikian adalah tidak wajar untuk membandingkan kedua-dua skim tersebut. Walau bagaimanapun, kajian sedang dibuat pada masa ini dan pihak Kerajaan akan mengkaji semula kedua-dua skim pada keseluruhannya supaya dapat menawarkan faedah yang lebih seimbang dengan keadaan semasa.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Timbalan Menteri berkenaan beritahu sama ada Kerajaan akan susun semula Skim SOCSO ini supaya dapat memberi faedah yang lebih kepada pekerja?

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat soalan ini sudah dijawab.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kita telah membincangkan hal-hal dengan pekerja-pekerja dan mereka telah membuat aduan tentang faedah yang tidak baik ini bermakna seandainya faedah-faedah tersebut tidak ditambahkan. Adakah Kementerian tersebut bermaksud hendak meneruskan tabung sumber wang yang murah yang akan meningkat kepada \$1 billion pada tahun 1985?

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, pada soalan pertama Ahli Yang Berhormat itu, memang Kementerian ada menerima beberapa aduan mendakwa pampasan itu adalah kecil tetapi mengikut siasatan Kementerian saya, pampasan ini adalah mengikut kadar-kadar tertentu di bawah undang-undang. Melainkan Kementerian ada menerima kes-kes

spesifik supaya Kementerian boleh menyasat, apa yang saya boleh jawab setakat ini ialah pampasan itu adalah mengikut kadar-kadar yang tetap. Dan berhubung dengan soalan yang kedua, baru tadi saya ada menjawab, bahawa pada masa sekarang Kementerian sedang menjalankan satu kajian dan ada seorang pakar dari Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) yang sudah berada di sini dan sedang membuat kajian, dan Kerajaan akan mendapat laporan dari pakar tersebut.

TANAH UNTUK PERUMAHAN— ARAHAN KERAJAAN NEGERI

4. Tuan Yew Foo Weng minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Timbalan Perdana Menteri selaku Pengerusi Majlis Tanah Negara, dapat menerangkan apakah arahan-arahan yang diberikan kepada semua Kerajaan Negeri bahawa di dalam proses mendapat tanah untuk perumahan, penduduk-penduduk yang telah tinggal di atas tanah tersebut beberapa tahun lamanya, tidak akan dipindahkan sebelum disediakan tempat lain yang sesuai untuk memindahkan mereka.

Timbalan Perdana Menteri (Dato Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, sama ada selaku Timbalan Perdana Menteri ataupun selaku Pengerusi Majlis Tanah Negara, saya tidak ada memberi apa-apa arahan berkenaan dengan perkara tersebut.

EKONOMI DUNIA—LANGKAH MENGATASI KEMELESETAN

5. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah fiskal dan kewangan serta lain-lain langkah yang akan dilaksanakan di negara kita bagi menghadapi kesan-kesan kemelesetan ekonomi dunia yang kelam-kabut dan pertumbuhan yang negatif sekarang ini. Apakah langkah-langkah itu akan dapat mengatasi kesan kemelesetan ekonomi

tersebut dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara kita.

9. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi mengurangkan kesan kemelesetan ekonomi dunia dan mengekalkan kadar pertumbuhan yang tinggi di negara kita.

16. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan dalam menghadapi kemerosotan ekonomi dunia sekarang.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin merangkumkan jawapan-jawapan kepada soalan 5, 9 dan 16 kerana soalan-soalan ini memerlukan jawapan yang hampir sama.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya benarkan.

Tuan Sabbaruddin Chik: Kerajaan telahpun mengambil beberapa langkah fiskal dan kewangan bagi menolong mengekalkan tingkat pertumbuhan ekonomi yang tinggi di negara ini memandangkan kemelesetan ekonomi yang mula wujud sejak tahun 1980.

Beberapa galakan-galakan telah diberi kepada sektor swasta bagi membantu sektor ini menghadapi keadaan kemelesetan, memperbaiki prestasi mereka serta menambah perbelanjaan-perbelanjaan pelaburan dan penggunaannya. Galakan-galakan ini termasuklah langkah-langkah memperbaiki mutu dan persaingan sektor eksport kita. Langkah-langkah ini, seperti kita ketahui, telahpun dibentangkan di dalam perbelanjaan 1980, 1981 dan 1982.

Kerajaan juga memastikan bahawa sektor swasta boleh mendapat sumber kewangan yang cukup dari bank-bank dalam negeri dengan kos yang menasabah. Di samping itu bank-bank

digalakkan memberi pinjaman untuk pelaburan terutama sekali yang meningkatkan produktiviti dan pengeluaran. Garis-garis panduan untuk tujuan ini telah dikeluarkan bagi memastikan bahawa sektor-sektor utama ekonomi mendapat pembahagian yang secukupnya di dalam perkembangan kredit bank.

Kerajaan telah juga mengambil beberapa langkah dalam tahun ini bagi meningkatkan kecekapan dan daya keluaran perkhidmatan awam supaya perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan kepada orang ramai menjadi lebih sempurna lagi. Suka dinyatakan bahawa dengan usaha-usaha Kerajaan, dan sumbangan dari sektor swasta dan semua golongan masyarakat kita telah dapat mencapai pertumbuhan yang agak memuaskan walaupun dalam keadaan ekonomi dunia yang muram ini.

Dengan langkah-langkah ini, ekonomi Malaysia telah mencapai kadar pertumbuhan yang agak tinggi dalam tahun 1980 dan 1981, manakala kebanyakan negara-negara lain mencapai pertumbuhan yang lebih rendah atau mungkin dengan kadar pertumbuhan yang negatif.

Malangnya, kemelesetan ekonomi dunia telah berlanjutan agak lebih lama dari yang dijangka.

Di dalam Ucapan Belanjawan pada 22 Oktober ini, akan disentuh dengan panjang lebar mengenai keadaan ekonomi negara serta langkah-langkah tambahan yang akan diambil oleh Kerajaan bagi membantu negara kita menghadapi keadaan kemelesetan ini dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara pada tahap yang memuaskan. Kita percaya bahawa keadaan ekonomi kita akan beransur-ansur pulih dalam tahun 1983 dengan langkah-langkah yang akan diumumkan nanti.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam

menghadapi masalah kemelesetan ekonomi dunia pada hari ini, saya ingin tahu sama ada kedudukan nilai kredit (credit worthiness) negara kita di pasaran wang antarabangsa dan juga nilai matawang kita turut sama meleset. Jika demikian, apakah langkah-langkah yang diambil bagi membaiki keadaan ini?

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, bagi bahagian pertama yakni mengenai kedudukan kredit negara kita, saya rasa ini telah tidak terjejas dengan terdapatnya bukti bahawa sewaktu kita membuat pinjaman sebanyak US\$1.1 billion (US\$1,100 juta) baru-baru ini senang sahaja kita perolehi pinjaman itu, malah tawaran yang dibuat adalah lebih daripada yang kita kehendaki.

Berkenaan dengan nilai ringgit, seperti kita lihat dalam tukaran wang, nilai ringgit masih lagi baik dibandingkan dengan kebanyakan currencies yang lain, barangkali agak berkurangan sedikit dibandingkan dengan matawang Amerika Syarikat ataupun Singapura.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa pertumbuhan ekonomi negara kita bagi tahun yang lepas ialah dalam kadar 6 peratus. Apakah dengan langkah-langkah yang disebutkan tadi angka pertumbuhan ini akan dapat dikekalkan ataupun mendapat tingkatan pertumbuhan yang lebih baik?

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun beberapa langkah telah diambil bagi memastikan kekuatan ekonomi negara kita, malangnya pertumbuhan sebanyak 6 peratus atau lebih sedikit daripada itu pada tahun 1981 tidak dapat kita kekalkan. Kita anggarkan pertumbuhan ekonomi bagi negara

kita pada tahun ini ialah dalam lingkungan 3.9 ataupun 4 peratus sahaja. Tetapi walaupun terdapat kekurangan, ini mungkin kurang lagi pertumbuhannya kalau sekiranya tidak terdapat langkah-langkah yang menasabah yang telah kita ambil.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan ada menyatakan dalam jawapannya bagi soalan yang pertama bahawa bank-bank digalakkan memberikan pinjaman. Tetapi adakah Yang Berhormat itu sedar bahawa dalam realitinya ramai yang sukar mendapatkan pinjaman-pinjaman dan adakah galakan ini hanya bagi bidang-bidang yang tertentu sahaja?

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, memberi galakan pinjaman kredit bukanlah bererti Kerajaan sendiri yang meluluskan pinjaman-pinjaman bagi pemohon-pemohon daripada bank. Sebagai bank-bank yang berdasarkan ukuran commercial, saya kira bank-bank berkenaan memerlukan syarat-syarat di mana satu-satu pinjaman itu terpaksa memenuhi sebelum ianya diluluskan.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan beliau tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan ada menyatakan langkah-langkah dalam negeri yang diambil bagi mengatasi masalah kemelesetan ekonomi dunia. Jadi, di dalam langkah-langkah yang diambil ini, saya ingin tahu sama ada matlamat Dasar Ekonomi Baru diambilkira ataupun tidak dan sejauh manakah Dasar Ekonomi Baru itu akan turut sama terjejas?

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, sebarang langkah-langkah yang diambil bagi memperkukuhkan ekonomi, Dasar Ekonomi Baru memang sentiasa diambilkira oleh pihak Kementerian Kewangan.

DOKTOR-DOKTOR DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN

6. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bagaimanakah beliau boleh menahan doktor-doktor dalam perkhidmatan Kerajaan yang kerap meninggalkan perkhidmatan ini kerana gaji yang tidak cukup, keadaan kerja yang buruk dan kemajuan masa depan yang buruk sebagaimana berbanding dengan doktor-doktor di dalam sektor swasta; dan
- (b) jika keadaan tidak dapat disamakan dengan keadaan dalam sektor swasta oleh pihak Kerajaan, bolehkah Menteri sekurang-kurangnya memperkenalkan satu sistem di mana doktor-doktor pakar dalam perkhidmatan boleh mengenakan satu yuran yang "nominal" untuk mereka bagi setiap kes mereka rawati.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' Lee Boon Peng): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab bahagian (A) dan seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, para doktor adalah dikehendaki memberikan perkhidmatan wajib kepada Kerajaan untuk tempoh 3 tahun selepas mereka didaftarkan dalam negara ini. Sebilangan daripada mereka terus berkhidmat dengan kita selepas tempoh perkhidmatan wajib ini tamat, manakala yang lainnya pula keluar meninggalkan perkhidmatan Kerajaan. Tidak semua orang berhasrat untuk bekerja dengan Kerajaan. Begitu juga dengan doktor-doktor. Mereka meletakkan jawatan atas alasan-alasan peribadi sama ada untuk membuka klinik mereka sendiri ataupun untuk berkhidmat dengan hospital-hospital persendirian.

Tanggungaji doktor sekarang ialah sebahagian daripada struktur gaji

keseluruhannya yang telah diperakukan oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Gaji yang telah diterima oleh Kerajaan untuk dilaksanakan. Sebarang perubahan kepada tanggagaji ini akan melibatkan juga perkhidmatan-perkhidmatan awam yang lain. Walau bagaimanapun, saya sedar tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh doktor-doktor kita sedang melakukan apa yang boleh untuk memperbaiki syarat-syarat perkhidmatan mereka. Ini termasuklah peluang-peluang latihan dan kenaikan pangkat khasnya agar doktor-doktor mempunyai prospek yang lebih cerah dalam bidang kerjaya pilihan mereka ini. Bilangan jawatan-jawatan Tingkatan Tertinggi dan juga bilangan biasiswa-biasiswa latihan untuk kelulusan tinggi telahpun ditambah.

(b) Mengenai bayaran kepada doktor-doktor pakar, sukacita saya memaklumkan bahawa mereka yang layak diberi satu elaun pakar yang tertentu tiap-tiap bulan. Sistem pembayaran kepada pakar-pakar ini dikaji dari masa ke semasa. Sistem pembayaran yuran "nominal" bagi pakar-pakar seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telahpun diamalkan sebelum tahun 1966. Atas tuntutan pakar-pakar sendiri, pembayaran yuran itu telahpun digantikan dengan elaun pakar yang diamalkan sekarang.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi nampaknya doktor-doktor yang bertugas dengan Kerajaan ini diberi layanan begitu istimewa, dengan adanya perkhidmatan wajib tiga tahun, elaun dan sebagainya diberi kepada mereka. Tetapi masih banyak doktor-doktor apabila cukup 3 tahun masanya hendak berhenti sama ada hendak membuka klinik sendiri ataupun lain-lain. Adakah salah satu sebab mereka berhenti ini kerana peperiksaan yang

diwajibkan kepada mereka yang ditetapkan oleh JPA yang menghalang mereka bertugas lebih lama dengan Kerajaan?

Dato' Lee Boon Peng: Tuan Yang di-Pertua, masalah ini telah dibincangkan oleh Kementerian saya dan sebelum kita dapat satu keputusan atas syarat-syarat perkhidmatan barangkali doktor-doktor tidak sabar dan hendak terus berkhidmat dengan hospital-hospital persendirian atau membuka klinik sendiri. Itulah sebab-sebab doktor-doktor meninggalkan perkhidmatan Kerajaan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan. Sebagaimana yang kita sedia maklum seseorang doktor semasa berkhidmat dengan Kerajaan memberi rawatan dengan percuma kepada pesakit-pesakit, tetapi didapati pesakit-pesakit ini 2-3 kali berulang ke hospital baru dapat disembuhkan, tetapi doktor yang sama apabila membuka klinik persendirian didapati sekali pergi ke klinik dapat sembuh penyakitnya. Apakah ini disebabkan Kerajaan membekalkan ubat-ubat yang kurang baik ataupun ubat-ubat yang terhad misalnya?

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa soal itu tidak boleh dibenarkan kerana mengeluarkan tohmah iaitu doktor Kerajaan tidak memberi layanan yang baik.

Tuan Haji Saidin bin Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi salah satu layanan yang diberikan kepada para doktor Kerajaan ialah khidmat wajib selama tiga tahun. Walaupun apa yang telah diterangkan tadi beberapa keistimewaan telah diberikan kepada para doktor, tetapi nampaknya kita tidak dapat menyekat doktor-doktor ini untuk keluar daripada perkhidmatan mereka bagi

membuka klinik kerana semua kita maklum dengan membuka perniagaan sendiri ini pendapatannya tentulah lebih lumayan, akan tetapi masalah negara yang dihadapi ialah tentang keperluan doktor bagi rakyat di negara ini. Saya rasa khidmat wajib tiga tahun ini patutlah dikaji semula, kalau boleh biarlah dinaikkan sampai 10 tahun sekurang-kurangnya dalam tempoh 10 tahun kita tidak menghadapi masalah kekurangan doktor. Adakah pihak Kementerian Kesihatan bercadang untuk menaikkan lagi tempoh khidmat wajib kepada para doktor ini?

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir soalan ini telahpun dikeluarkan dalam Parlimen ini 4-5 hari yang lepas dan satu-satu perkara yang telahpun dikeluarkan tidak boleh dikeluarkan semula.

MINUMAN KERAS— MENGHARAMKAN

7. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau bercadang untuk mengharamkan semua jenis minuman keras dari dijual, dibuat dan diminum di dalam negara ini sesuai dengan Islam sebagai Agama Rasmi Negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan bahawa bagi orang-orang Islam menjual, membuat dan meminum semua jenis minuman keras adalah dilarang dan haram hukumnya di sisi ugama. Enekmen Pentadbiran Ugama Islam Negeri-negeri telah sedia ada peruntukan bagi menghukum mereka yang melakukan kesalahan-kesalahan yang tersebut.

Berkaitan dengan mengharamkan semua jenis minuman keras dari dijual, dibuat dan diminum di dalam negara ini oleh orang-orang yang bukan beragama Islam, Kerajaan terpaksa mengkaji perkara ini dengan teliti dan mendalam memandangkan banyak

implikasi yang akan timbul, kerana masyarakat negara ini adalah masyarakat majmuk (Rural Society).

Bagi orang-orang Islam, apa yang penting, ialah kita mestilah memperkukuhkan iman dan menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang mungkar dan dilarang oleh Allah s.w.t.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tolong jelaskan kepada Dewan yang mulia ini, apakah pihak Kerajaan Malaysia bercadang untuk mengharamkan sama minuman arak di Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri, begitu juga di Pejabat Pesuruhjaya Tinggi sewaktu merayakan istiadat hari kelahiran Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan hari menyambut ulang tahun kemerdekaan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir soal itu keluar daripada soal asal, kerana soal asal itu ialah minuman di dalam negara ini. (*Ketawa*)

Yang Berhormat Tuan Mohammed Yusof bin Haji Yakob.

(Soalan No. 8 Y.B. Tuan Mohammed Yusof bin Haji Yakob tidak hadir)

TANAH DI TAMAN AMAN/ PADANG GOLF SEREMBAN—PEMOHON

10. Tuan Chan Kok Kit minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar baru-baru ini seramai 6 orang telah dikurniakan tanah seluas 1.6 ekar di Taman Aman, Petaling Jaya dan seramai 191 orang juga dikurniakan tanah di Padang Golf, Seremban, jika ya, bukannya pengkurniaan tanah-tanah tersebut kepada pegawai-pegawai tinggi Kerajaan dan ahli-ahli politik merupakan satu penyalahgunaan kuasa oleh orang-orang yang berjawatan tinggi.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar tentang keputusan Kerajaan Negeri Selangor dalam bulan April tahun ini meluluskan tanah seluas 1½ ekar berhampiran Taman Aman, Petaling Jaya kepada 6 orang pemohon untuk tujuan tapak rumah kediaman. Permohonan tersebut dibuat mengikut kehendak-kehendak Kanun Tanah Negara dan Kaedah-kaedah Tanah Negeri Selangor. Sebenarnya, tanah tersebut tidak pernah menjadi sebahagian daripada tanah "Park" Taman Aman. Sungguhpun Majlis Mesyuarat Kerajaan telahpun meluluskan permohonan tersebut, tetapi tawaran secara rasmi belum dibuat lagi kepada pemohon-pemohon yang berjaya. Ini bermakna bahawa mengikut Undang-undang, tanah tersebut masih belum lagi diberi milik.

Memandangkan perlunya diadakan tambahan kepada tanah lapang di sekitar kawasan perumahan di Taman Aman, pemohon-pemohon, dengan perasaan muhibbah dan semangat penuh tanggungjawab terhadap kepentingan awam, telah bersetuju tidak akan membuat apa-apa tuntutan terhadap tanah tersebut. Dengan persetujuan di atas, Y.A.B. Menteri Besar Selangor telahpun mengarahkan Majlis Perbadanan Petaling Jaya untuk mewartakan tanah itu sebagai "Public Park".

Berkenaan keputusan Kerajaan Negeri Sembilan meluluskan seluas 109 ekar tanah kepada 181 orang pemohon di Ampangan, adalah didapati bahawa permohonan-permohonan itu diterima semenjak beberapa tahun dahulu. Mengikut siasatan Kerajaan, adalah didapati bahawa pembahagian tanah di Ampangan, Negeri Sembilan itu tidak bertentangan dengan Undang-undang dan tidak berlaku apa-apa penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menegaskan bahawa pegawai-pegawai Kerajaan tidak harus dipersalahkan setiap kali mereka itu memohon ataupun diluluskan tanah untuk tujuan perumahan. Mengikut peraturan-peraturan yang ada sekarang seseorang pegawai Kerajaan adalah dibolehkan untuk diberi milik tanah-tanah Kerajaan iaitu bagi 2 lot tanah untuk tapak perumahan dan 20 ekar tanah untuk pertanian. Sesungguhnya perkembangan-perkembangan dalam kedua-dua kes ini menggambarkan ketegasan Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan mengambil tindakan memelihara kepentingan orang ramai di samping menjamin pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

(Soalan No. 11 Y.B. Tuan Lim Kit Siang tidak hadir)

PINJAMAN YANG DIBERIKAN OLEH KERAJAAN PUSAT

12. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah pinjaman yang telah diberikan oleh Kerajaan Pusat semenjak tahun 1979 kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, Badan-badan Berkanun, Syarikat-syarikat Kerjasama, dan pihak-pihak Berkuasa Tempatan (mengikut Negeri) syarat-syarat pembayaran balik yang dikenakan dan sejauh mana kemajuan dibuat oleh setiap peminjam dalam pembayaran balik pinjaman ini kepada Kerajaan Pusat.

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pinjaman-pinjaman telah diluluskan daripada 1 Januari, 1979 hingga 31 Disember, 1981 ialah sebanyak \$2,225 juta. Pinjaman-pinjaman ini dikenakan kadar-kadar faedah yang berbeza

mengikut matlamat projek yang dijalankan. Bermula daripada tahun 1981 Kerajaan telah menetapkan dasar supaya pinjaman-pinjaman untuk membasmi kemiskinan tidak dikenakan apa-apa faedah sementara pinjaman untuk projek-projek perdagangan dikenakan faedah kos wang. Pinjaman untuk menyusun semula masyarakat dikenakan faedah dalam lingkungan 2% hingga 5% setahun. Tempoh pinjaman pula pada lazimnya ditetapkan antara 7 hingga 25 tahun termasuk tempoh-tempoh pertanggungan. Pinjaman-pinjaman ini belum lagi dibayar balik kerana masih berada dalam tempoh pertanggungan.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan apakah pinjaman yang diterima oleh pihak Perbadanan Kemajuan Negeri-negeri yang kebanyakannya manakala dalam lawatan Timbalan Perdana Menteri ke negeri-negeri memerintah supaya Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri menutup anak-anak syarikat yang tidak dapat keuntungan. Apakah wang pinjaman dan kerugian itu pihak Kerajaan-kerajaan Negeri bersedia membayar balik kepada pihak Kerajaan Pusat?

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi pinjaman yang telah dibuat bagi tahun 1979 hingga 1981 belum lagi sampai tempoh pembayarannya, jadi saya tidak berani membuat jangkaan bagi masa yang akan datang. Setakat ini belum lagi dibayar kerana masih lagi dalam tempoh pertanggungan.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan ada menyatakan bagi projek untuk membasmi kemiskinan tidak dikenakan sebarang faedah, jadi saya minta beri contoh

satu daripadanya apakah dia projek yang membasmi kemiskinan.

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh beri 2-3 contoh projek-projek membasmi kemiskinan. Misalannya yang pertama, pinjaman kepada Bank Pertanian bagi kegunaan petani-petani seperti di dalam rancangan kredit kepada penanam-penanam padi membeli jentera ringan ataupun kenderaan kecil-kecilan seperti motosikal dan sebagainya. Juga pinjaman bagi maksud pembangunan tanah seperti kepada FELDA, FELCRA dan lain-lain rancangan pembangunan tanah. Juga termasuk di bawah rancangan membasmi kemiskinan ialah pinjaman-pinjaman untuk bekalan air di bandar-bandar kecil. Ini juga merupakan projek-projek membasmi kemiskinan.

**PASAR BESAR
KUALA LUMPUR—
MEROBOHKAN**

13. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) adakah Pasar Besar Kuala Lumpur akan dirobuhkan menurut jadual dan adakah tarikh akhir Disember 1983 akan dilanjutkan lagi sehingga satu masa apabila satu tapak baru yang sesuai diperolehi; dan
- (b) sama ada tapak baru yang sesuai telah didapatkan untuk Pasar Besar, jika ianya dirobuhkan nanti, supaya kesemua 641 buah gerai boleh ditempatkan di bawah satu bumbung; jika tidak, apakah rancangan penempatan semula untuk pasar tersebut.

Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, (a) sepertimana yang sedang dirancangan sekarang Pasar Besar,

Kuala Lumpur adalah dijangka akan dirobuhkan mengikut jadualnya pada bulan Disember, 1983 akan datang, iaitu selepas tamat tempoh ianya dikehendaki dikosongkan. Walau bagaimanapun, cadangan untuk mengeluarkan penjaja-penjaja di Pasar Besar ini dan rancangan untuk merobohkannya akan dikaji dari masa ke masa, terutama jika perlu sesuatu perubahan atau jika timbul masalah-masalah pentadbiran atau teknikal yang berkaitan dalam tempoh tersebut. Sekiranya berlaku perkara-perkara tersebut, pihak UDA sebagai agensi yang akan melaksanakan pembangunan di atas tapak tersebut terpaksa meminda tarikh merobuhkan pasar tersebut ke satu tarikh baru. Untuk makluman Yang Berhormat, Pasar Besar Kuala Lumpur adalah termasuk dalam rancangan Daya Bumi yang dikendalikan oleh Kementerian Perusahaan Awam. Saya difahamkan satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan untuk menyelaras dan mengawasi pelaksanaan projek tersebut.

(b) Pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menempatkan kesemua 641 orang peniaga Pasar Besar, Kuala Lumpur di bawah satu bumbung. Sebaliknya pihak UDA telah diminta untuk membina beberapa buah pasar baru di beberapa kawasan di Wilayah Persekutuan. Setakat ini sebanyak 3 tapak telah dipilih untuk tujuan tersebut, iaitu di Taman Tun Dr Ismail, di Cheras dan di Gombak. Apabila pasar-pasar baru ini siap kelak, permohonan-permohonan akan dipertimbangkan termasuk mereka yang terlibat.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa pihak Kementerian yang berkenaan tidak bercadang untuk mencari satu tapak baru di mana sebuah pasar besar dapat didirikan dan di mana kesemua 641 buah gerai

akan ditempatkan di satu tempat. Di sini saya suka bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan apakah kesulitan yang dialami oleh pihak pentadbiran untuk mencari satu tapak baru sungguhpun bukan di pusat bandar Kuala Lumpur tetapi dibuat di tempat lain di luar Kuala Lumpur Bandar supaya kesemua gerai-gerai itu tidak akan diasingkan akan tetapi mereka akan diberi peluang untuk bersama-sama meneruskan perniagaan mereka.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, tidaklah semestinya kita membina satu pasar besar sahaja malahan apa yang kita lakukan adalah lebih baik kerana kita bahagi-bahagikan di beberapa tempat yang tertentu. Ini pada pendapat kita lebih sesuai lagi.

PEGAWAI PERUBATAN DI HOSPITAL BESAR ALOR SETAR—KEKURANGAN

14. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar tentang amat kekurangan bilangan Pegawai-pegawai Perubatan dan Radiografer-radiografer di Hospital Besar Alor Setar maka dengan itu menimbulkan kesulitan dan kesukaran kepada orang ramai dan jika ia, apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi membetulkan keadaan ini.

Dato' Lee Boon Peng: Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa saya sedar tentang kekurangan Pegawai-pegawai Perubatan di Hospital Besar Alor Setar. Untuk mengatasi kekurangan ini keutamaan telah diberi kepada negeri Kedah dalam urusan penempatan Pegawai Perubatan di mana dalam masa 3 bulan yang lalu sejumlah 17 Pegawai Perubatan telah ditempatkan di Kedah. Tambahan bilangan Pegawai Perubatan akan dihantar ke negeri Kedah apabila terdapat tambahan

Pegawai-pegawai Perubatan yang cukup.

Berkenaan kekurangan Juru X-ray di Hospital Besar Alor Setar, saya suka menyatakan bahawa pada masa sekarang terdapat 9 Juru X-ray bertugas di Hospital Besar Alor Setar dan bilangan ini adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan pesakit-pesakit dalam memberi perkhidmatan X-ray. Oleh itu saya suka menyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa tiada apa-apa kelambatan dialami oleh pesakit-pesakit yang memerlukan pemeriksaan X-ray.

TANAH TERBIAR—BANTUAN KEPADA PETANI

15. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Pertanian menyatakan berapa besarnya (ekar atau hektar) tanah rang atau tanah terbiar di tiap-tiap negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak; apakah faktor-faktor utama yang mengakibatkan tanah-tanah rang ini; adakah Kerajaan Pusat bercadang untuk memberi bantuan wang dan lain-lain kepada Kerajaan-kerajaan Negeri serta petani-petani atau tuan-tuan tanah yang terlibat supaya dapat mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, jumlah tanah-tanah terbiar di empat buah negeri tersebut adalah seperti berikut:

Negeri Perlis	..	1,880 hektar tanah sawah dan tidak ada tanah terbiar yang bukan sawah.
Negeri Kedah	..	7,730 hektar iaitu 4,647 hektar sawah dan 3,083 hektar bukan sawah.
Pulau Pinang	..	7,479 hektar sawah iaitu 6,476 hektar di Seberang Perai dan 1,012 hektar di Balik Pulau, Pulau Pinang.
Negeri Perak	..	19,356 hektar iaitu 11,775 hektar tanah sawah dan 7,581 hektar bukan sawah.

Tanah-tanah ini menjadi terbiar kerana saiznya yang tidak ekonomik, kemudahan-kemudahan infrastruktur yang kurang sempurna, kekurangan tenaga kerja kerana saingan peluang pekerjaan di dalam sektor yang lain yang lebih menarik. Kerajaan akan memberi bantuan kepada petani-petani ataupun tuan tanah mengusahakan semula tanahnya dengan menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang lebih sempurna, bahan-bahan input dan khidmat-khidmat sokongan yang diperlukan.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada dibekalkan kemudahan kepada para petani, adakah Kerajaan bercadang untuk membenarkan tanah-tanah terbiar ini ataupun sebahagian daripadanya untuk ditukar atau diwartakan semula untuk kegunaan lain yang mungkin akan mendatangkan keuntungan yang lebih banyak bagi tuan tanah ataupun penduduk-penduduk asal tanah misalnya projek perumahan secara koperasi seperti yang dilaksanakan oleh Syarikat Koperasi Tunas Muda di Pulau Pinang.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini Kementerian Pertanian ataupun Kerajaan belum membuat rancangan bagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tetapi tanah terbiar ini kepada separuh tempat sebagaimana yang kita ketahui sekarang di Pulau Pinang tuan tanah yang tidak berminat mengusahakan tanahnya boleh menyewakan kepada Pertubuhan Peladang atau lain-lain badan untuk diusahakan. Cara ini telah dipraktikkan sekarang khasnya di Pulau Pinang.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Timbalan Menteri Pertanian nampaknya di Kedah lebih daripada

10,000 ekar lagi yang tidak boleh digunakan terutama sekali tanah-tanah ini di dalam kawasan MADA. Kononnya Kerajaan bercadang hendak adakan MADA II, bilakah MADA II ini boleh diwujudkan supaya pak tani-pak tani ini boleh menggunakan tanah mereka yang lebih daripada 10,000 ekar itu?

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, sekarang Kerajaan sedang berusaha serta sedang meneliti bagaimana untuk merancang rancangan ini oleh kerana rancangan sebagaimana yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu melibatkan banyak pelan dan juga kadangkala tempat itu menghadapi masalah kekurangan air dan sebagainya dan juga pihak Jabatan Parit dan Taliair pun mempunyai rancangan yang dianggap penting untuk meneliti keadaan dengan sebaik-baiknya sebelum rancangan seperti itu dilancarkan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut Timbalan Menteri tadi beliau sedar bahawa sebab-sebab tanah rang antaranya ialah kerana saiznya yang tidak ekonomik dan lain-lain. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa terdapat juga petani-petani takut untuk meneruskan pertanian mereka kerana terdapatnya penyakit-penyakit seperti 'Kuku Beruang' dan juga penyakit-penyakit 'Bena Perang'. Jika Kementerian sedar, adakah bantuan-bantuan akan diberi kepada petani-petani yang terlibat?

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya seharusnya para petani-petani ini mereka jangan dahulu risau sangat dengan penyakit-penyakit yang dialami oleh para peladang sebelum mereka melibatkan diri dalam rancangan yang diperuntukkan oleh Kerajaan kepada mereka. Barangkali sebagaimana yang

dijelaskan oleh Ahli Yang Berhormat itu separuh peladang ini, itu hanya alasan sahaja, tanah saya terbiar begitu kerana saya takut diserang penyakit-penyakit. Ini pada pendapat saya tidak berapa lojik sebagaimana mereka itu dahulu takut sebelum mengalami keadaan yang begitu dan juga saya memohon kepada Yang Berhormat supaya dia convincekan para petani-petani kita melibatkan diri supaya mengusahakan bendang-bendang yang terbiar ini.

Tuan Tan Kok Hooi: Tuan Yang di-Pertua, di negeri Kedah I.A.D.P. (Integrated Agriculture Development Project) telah mengusahakan tanah-tanah terbiar. Sehingga hari ini bolehkah Timbalan Menteri memberitahu sejauh manakah sambutan dari golongan petani-petani atau tuan-tuan tanah?

Tuan Luhah Wan: Sambutan oleh pihak petani-petani adalah memuaskan.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa memang sebenarnya telah berlaku serangan penyakit-penyakit bagi kawasan-kawasan sawah padi di daerah Krian, Negeri Perak.

Tuan Luhah Wan: Kita sedar dan perkara ini kita sentiasa teliti dan awasi.

Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menerangkan bahawa salah satu punca atau sebab menjadikan tanah terbiar ini ialah kerana sukar mendapat air atau sumber-sumber air. Oleh yang demikian, sudah pastilah kawasan ini tidak akan dapat diteruskan dengan penanaman padi. Oleh itu, adakah Kerajaan bercadang untuk menukar jenis tanaman di kawasan-kawasan yang seumpama itu?

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, bukan semua kawasan tanah terbiar ini yang mengalami kekurangan air bahkan beberapa sekitar dan tempat yang tertentu sahaja. Tetapi walau bagaimanapun, sebagaimana yang kita harus sedia maklum Kerajaan sentiasa meneliti dan menyelidiki jikalau sesuatu yang tidak memberi hasil kepada petani dan peladang, kita harus berusaha membuat rancangan yang menguntungkan kepada para petani.

Tuan Tan Kok Hooi: Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Timbalan Menteri memberitahu bahawa sambutannya sangat memuaskan. Akan tetapi, disebahagian negeri Kedah penukaran padi kepada kelapa sawit tidaklah diterima oleh tuan tanah.

Tuan Luhah Wan: Minta beliau ulang soalnya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Tan Kok Hooi: Sebentar tadi Timbalan Menteri memberitahu bahawa sambutan adalah sangat memuaskan, akan tetapi di sebahagian kawasan negeri Kedah penukaran padi kepada kelapa sawit tidak diterima oleh tuan tanah.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum kita hanya membuat rancangan dan membuat arahan, kita tidak dapat memaksakan orang kalau dia tidak mempunyai minat dalam bidang itu-kita tidak dapat memaksa dia.

TUDM—PEMBELIAN KAPALTERBANG JET SKYHAWK

17. **Tuan Ismail bin Arshad** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah benar 88 buah kapalterbang Jet Skyhawk yang dipesan oleh TUDM sekarang masih tersadai di Padang Pasir di Amerika seperti yang dilaporkan dan jika benar apakah sebab-sebab sebenar hal tersebut

berlaku serta apakah tindakan yang akan diambil seterusnya bagi mengatasi hal tersebut.

Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, benar kapalterbang-kapalterbang Jet Skyhawk masih lagi berada di tempat asalnya di Davis Monthan Air Force Base, Tucson, Arizona, USA. Tempat ini ialah tempat menyimpan semua jenis pesawat-pesawat terbang ketenteraan Kerajaan Amerika Syarikat yang sudah digunakan, kerana ianya mempunyai iklim yang paling baik dengan kelembapan yang rendah (low humidity), dan ini dapat menghindarkan dari kekaratan (corrosion-free). Pesawat-pesawat ini berada dalam keadaan 'preserved/cocoon' dan akan ditinggalkan di tempat ini sehingga kerja pengubahsuaian hendak dijalankan oleh kontraktor.

Kerajaan telahpun mengeluarkan tender bagi kerja-kerja pengubahsuaian pesawat-pesawat ini tetapi ianya belum lagi diberi kepada mana-mana pentender. Untuk mendapatkan kontraktor bagi menjalankan kerja-kerja pengubahsuaian tersebut akan mengambil masa kerana cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh pentender-pentender perlu diteliti dengan halus demi untuk mengurangkan perbelanjaan projek, dan sementara itu keperluan-keperluan yang telah ditetapkan tidak akan dikorbankan malah akan terus terjaga. Sebaik sahaja keputusan muktamad dicapai mengenai pemilihan pentender, kerja-kerja pengubahsuaian akan dimulakan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan Tambahan. Oleh kerana kemelesetan ekonomi dan sebagai satu tindakan untuk menjimat wang, adakah Kerajaan berniat untuk membatalkan pembelian kapalterbang Jet Skyhawk itu.

Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Kerajaan tidak ada niat hendak membatalkan projek Skyhawk ini.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Yang di-Pertua, adakah kapal-kapal itu sekarang ini benar-benar selamat dan dapat menjalankan operasi dengan berkesan kerana kapalterbang-kapalterbang tersebut adalah second-hand dan sama ada alat-alat gantiannya mudah didapati.

Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, walaupun nampaknya soalan ini berlainan daripada soalan asal, saya ingin menjawab juga soalan Yang Berhormat. Kadar yang paling minima jangka masa penerbangan tiap-tiap pesawat ini ialah 5,000 jam penerbangan (flying hours) dan kadar maksima jangka masa penerbangan (flying hours) adalah di antara 7,000 hingga 9,000 jam penerbangan (flying hours) dan ini tertakluk kepada jenis tugas-tugas yang dikendalikan. Pesawat-pesawat ini telah digunakan sebanyak 2,000 jam dan ini bermakna pesawat-pesawat tersebut mempunyai 5,000 jam penerbangan lagi pada kadar minimanya. Tiap pesawat ini dirancang untuk digunakan 300 jam penerbangan setahun dan ini bermakna pesawat tersebut boleh digunakan untuk 10 tahun pada kadar minima.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri berkenaan apakah kebiasaan begini berlaku bagi pihak Kementerian Pertahanan bila menempah sesuatu alat untuk kegunaan Kementerian Pertahanan maka terpaksa alat-alat itu diubahsuai sebagaimana yang berlaku dan terpaksa ditender balik.

Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tidak berkaitan dengan soalan asal.

Tuan Alias bin Md. Ali: Oleh kerana kapalterbang ini sudah lama tersadai di situ, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan berapa banyak kerugian kepada negara dalam bentuk depreciation oleh kerana sudah lama kapalterbang ini tersimpan di sini.

Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Itu tidak timbul oleh kerana pesawat itu sedang dalam cocoon stage.

SEKOLAH VOKESYENAL DI LUAR BANDAR

18. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah pihak Kementerian Pelajaran bercadang untuk mendirikan sekolah Vokesyenal di kawasan luar bandar seperti di Baling.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kementerian Pelajaran untuk memperluaskan lagi bidang pelajaran vokesyenal di negara kita dengan menambahkan lagi bilangan sekolah-sekolah menengah vokesyenal terutama ke kawasan luar bandar yang berdekatan dengan bandar-bandar kecil. Langkah ini adalah selari dengan perakuan yang dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat, tidak ada apa-apa cadangan dari pihak Kementerian untuk mendirikan sebuah sekolah menengah vokesyenal di Baling. Walaupun begitu semua sekolah-sekolah vokesyenal dilengkapkan dengan asrama supaya dapat menampung murid-murid yang datang daripada luar bandar.

SISTEM 3M—KURSUS DALAM PERKHIDMATAN

19. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar bahawa guru-guru dari sekolah-sekolah rendah China akan dikehendaki menghadiri kursus dalam perkhidmatan mengenai sistem 3M pada hari-hari persekolahan dalam penggal ketiga, jika ya, sama ada beliau akan mengarahkan supaya kursus ini diadakan dalam masa cuti penggal ketiga supaya pembelajaran murid-murid tidak akan terjejas.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa sebahagian daripada guru-guru daripada semua aliran sekolah rendah dan tidak hanya terhad kepada guru-guru dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat menghadiri kursus dalam perkhidmatan mengenai sistem 3M pada hari-hari persekolahan dalam penggal ketiga. Kursus dalam perkhidmatan ini adalah bertujuan untuk mendedahkan kepada semua guru yang akan terlibat bagi melaksanakan kurikulum baru sekolah rendah untuk tahun satu, tahun depan mengenai matlamat kandungan cara-cara mengajar dan aspek-aspek penting lainnya mengenai kurikulum ini. Pada dasarnya kursus-kursus ini diadakan pada masa cuti persekolahan atau hujung minggu supaya tidak mengganggu perjalanan persekolahan. Namun demikian, memandangkan adanya faktor-faktor yang tidak dapat dielakkan seperti ramainya bilangan guru yang terlibat dengan kursus pendedahan ini perlunya masa yang cukup bagi guru-guru yang telah menghadiri kursus membuat persiapan mengajar sebelum sekolah dimulakan awal tahun 1983 dan juga bagi menentukan keberkesanan pelajaran kursus bilangan para peserta bagi sesuatu masa, kursus perlulah sesuai bilangannya. Maka kursus

dalam perkhidmatan ini tidaklah dapat hanya diadakan masa cuti penggal ketiga tetapi terpaksa diadakan pada hari persekolahan.

Tuan Yang di-Pertua, di negeri-negeri di mana terdapat keadaan yang memerlukan kursus dijalankan semasa hari persekolahan Pengarah-pengarah Pelajaran Negeri dan Guru Besar sekolah-sekolah berkenaan telah mengambil tindakan bagi menentukan pembelajaran murid-murid yang terlibat tidak akan terjejas.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada beliau sedar bahawa guru-guru semua jenis sekolah daripada Pulau Pinang yang menghadiri kursus di Seberang Prai atau sebaliknya iaitu guru-guru dari Seberang Prai menghadiri kursus di Pulau Pinang tidak dibenarkan membuat tuntutan perjalanan sungguhpun mereka terpaksa menampung tambang feri, saya ingat bernilai lebih kurang \$4-\$5 tiap-tiap hari. Kerana perjalanan itu tidak melebihi 15 batu dan mengikut Peraturan General Orders, mereka ini tidak dibenarkan membuat tuntutan. Ini kurang memuaskan kerana bagi orang-orang Pulau Pinang kalau mereka pergi ke Butterworth, mereka menganggap diri sudah pergi ke seberang laut dan dengan begitu tidak dibenarkan membuat tuntutan jadi mereka berasa sangat tidak puas hati.

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir soalan itu tidak bersangkutan dengan soalan asal.

Dato Lee Kim Sai: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya memang suka hati mendengar Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran yang telah memberitahu Dewan ini bahawa langkah-langkah pendedahan kursus mengenai sistem 3M. Adalah didapati guru-guru yang

berkhidmat di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina sentiasa diberi kursus pada hujung minggu iaitu hari Sabtu. Tetapi memandangkan banyak lagi Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina masih ada sekolah pada hari Sabtu ataupun hujung minggu, adakah Menteri yang berkenaan akan mengaturkan kursus khas untuk guru-guru yang saya sebutkan tadi supaya pengajaran di sekolah-sekolah yang berkenaan tidak akan terjejas.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, tidak semua Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina yang ada sekolah enam hari yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Tetapi di mana ada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan yang ada bersekolah enam hari Guru-guru Besar dan juga Pengarah Pelajaran Negeri itu akan membuat jadual yang sesuai untuk diberikan kepada guru-guru yang terlibat.

Dato Lee Kim Sai: Saya tidak menyebut semua sekolah-sekolah Cina bersekolah enam hari. Ada setengah enam hari, ada setengah lima hari. Yang saya maksudkan mereka yang masih bersekolah enam hari. Dan saya suka bertanya adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah enam hari tetapi tidak diaturkan dengan hari yang berlainan supaya murid-murid yang terlibat itu diberi pengajaran semula ataupun pengajaran tambahan.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah memberi jawapan berkenaan, jikalau perlu dan jikalau ada kesulitan-kesulitan macam yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi kita akan cari langkah yang sesuai untuk mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua: Masa pertanyaan sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 8, 11 dan 20 hingga 26 adalah diberi di bawah ini)

AMALAN PONTENG SEKOLAH—PERATUS

1. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Pelajaran menyatakan peratus amalan ponteng sekolah yang berlaku di negara ini dan adakah beliau akan mengarah Pejabat-pejabat Pelajaran Negeri menubuhkan sebuah pasukan petugas untuk menangkap murid-murid yang ponteng sekolah yang selalu berkeliaran di kompleks-komplek perniagaan, taman bunga dan panggung wayang.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dr Tan Tiong Hong): Peratus amalan ponteng sekolah di negara ini adalah kecil, iaitu dengan kekerapannya 0.4% setahun. Oleh kerana bilangan kes ponteng dalam sehari adalah kecil, maka penubuhan suatu pasukan Petugas di Jabatan Pelajaran Negeri adalah dirasai tidak perlu, tambahan pula kerjasama dengan pihak Polis untuk mengatasi masalah ini apabila timbul telahpun sedia ada.

TELEFON—GANGGUAN PANGGILAN

8. Tuan Mohd. Yusof bin Haji Yakob minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kementerian beliau sedar bahawa selalu terdapat gangguan panggilan telefon dan juga kekurangan banyak talian telefon di Pulau Labuan. Jika sedar, apakah langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian tersebut untuk mengatasi masalah itu.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya memang sedar tentang masalah yang sedang dihadapi oleh pelanggan-pelanggan telefon di

Pulau Labuan. Pada masa ini seluruh Pulau Labuan menerima perkhidmatan telefon dari sebuah Ibusawat yang berkeupayaan 1,000 talian. Di akhir-akhir ini pelanggan telefon di situ selalu mendapat gangguan seperti 'cross talk', percakapan-percakapan telefon yang terputus bagi panggilan-panggilan jauh dan sebagainya. Perkara ini berlaku di sebabkan Ibusawat yang sedia ada telah hampir penuh dan tidak dapat menampung laluan trafik panggilan telefon terutama di masa sibuk (busy hours).

Bagi mengatasi masalah ini Jabatan Telekom sedang mengambil tindakan untuk menambahkan lagi keupayaan ibusawat telefon di kawasan tersebut dengan menggunakan satu ibusawat SPC baru berkeupayaan 5,000 talian. Kabin Ibusawat SPC yang berkenaan dijangka akan sampai pada akhir bulan November 1982. Di samping itu kerjakerja pemasangan rangkaian tempatan bagi kawasan tersebut sedang dalam pelaksanaan dan ianya dijangka siap pada bulan Februari 1983. Dengan adanya ibusawat yang baru ini Jabatan Telekom dijangka dapat memberi perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan baru yang sedang menunggu perkhidmatan telefon. Di samping itu juga Jabatan Telekom sedang mengambil tindakan untuk menukarkan talian telefon kebel atas kepada jenis kabel bawah tanah bagi membolehkan ibusawat SPC yang baru digunakan. Penukaran jenis kabel ini juga adalah bertujuan untuk mengurangkan gangguan panggilan telefon yang dikatakan kerap berlaku itu.

LADANG HARAM DI PAHANG

11. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan hasil siasatan yang dijalankan oleh Badan Pencegah Rasuah ke dalam tuduhan yang dibuat oleh bekas Menteri Besar Pahang, Y.B. Haji Rahim Bakar, tahun lalu bahawa beberapa orang termasyhor

dari Pahang sedang menguruskan ladang-ladang haram di Pahang yang melibatkan 30,000 hingga 40,000 ekar tanah, sama ada orang-orang yang 'termasyhor' tersebut akan dibawa ke muka pengadilan.

Dato Haji. Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin: Risikan telah dibuat berkenaan dengan tomahan tersebut itu dan setakat ini didapati tidak ada bukti yang menunjukkan perkara ini telah berlaku.

BAHAN BINAAN—KEPERLUAN

20. Puan Hajjah Wan Zainab binti M. A. Bakar minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sejauh mana negara berkemampuan mengeluarkan bahan-bahan binaan dalam masa 8 tahun yang akan datang dan sama ada usaha-usaha yang sedang dijalankan sekarang ini untuk mencapai matlamat hakmilik rumah bagi tiap-tiap rakyat benar-benar berkesan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Ahli Yang Berhormat, negara kita sememangnya berkemampuan mengeluarkan keperluan bahan-bahan binaan dalam masa 8 tahun yang akan datang. Bahan-bahan binaan yang dihuraikan di sini adalah bahan-bahan batang besi keluli dan simen yang dikawal rapi bekalan dan harganya oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Bagi batang besi keluli, keupayaan maksima lapan buah pengeluar bahan ini pada masa ini adalah 416,000 tan metrik setahun. Pengeluar-pengeluar ini telah juga diberi kelulusan tambahan keupayaan sebanyak 570,000 tan metrik mulai tahun 1983. Di samping itu, lima buah syarikat tempatan baru telah diluluskan dengan keupayaan sebanyak 284,000 tan metrik. Syarikat-syarikat baru ini akan mula pengeluarannya dalam sedikit masa lagi. Jumlah pengeluaran sehingga 1989 oleh demikian adalah mencukupi.

Bagi simen, pengeluaran yang dijangkakan dari lima buah syarikat sedia ada serta kelulusan penambahan keupayaan dari tahun 1984-86 adalah mencukupi untuk keperluan negara. Buat masa ini, keupayaan pengeluaran setahun ialah 3,190,000 tan metrik. Kelulusan penambahan pengeluaran sehingga tahun 1986 ialah 10,690,000 tan metrik setahun. Di samping ini, beberapa syarikat pengeluaran simen yang baru yang telah diluluskan akan bermula operasi dalam tahun 1985.

Mengenai bahagian yang kedua soalan Ahli Yang Berhormat, saya suka memaklumkan bahawa sejajar dengan matlamat murni Kerajaan untuk memberi kemudahan perumahan kepada rakyat jelatanya Kerajaan kini telahpun tersedia dengan perancangan yang tertentunya. Perancangan Program Perumahan di dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat (RME) adalah berdasarkan keperluan perumahan di negara ini dengan mengambil kira stok perumahan yang sedia ada, keperluan mengganti rumah, dan pertambahan penduduk. Jumlah rumah yang dijangka dapat dibina di dalam RME ialah sebanyak 923,300 unit, yakni 398,570 atau 43.2% di sektor awam dan 524,730 atau 56.8% di sektor swasta. Keperluan perumahan yang dianggarkan ini ialah lebih kurang sama dengan sasaran program-program perumahan RME.

Program perumahan sektor awam meliputi skim perumahan Awam Kos Rendah, program perumahan agensi-agensi di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah seperti FELDA, FELCRA, DARA, KEJORA, KETENGAH, rumah kediaman bagi kakitangan dan program perumahan harga tinggi dan sederhana yang dilaksanakan oleh Perdana Menteri Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri.

Jenis-jenis rumah di bawah sektor swasta pula ialah perumahan kos

rendah, perumahan harga sederhana dan tinggi yang dilaksanakan oleh pemaju swasta, syarikat-syarikat kerjasama, dan orang perseorangan serta kumpulan.

Usaha-usaha yang disebut di atas adalah dituju untuk mencapai dengan berkesannya matlamat Kerajaan supaya setiap penduduk akan mendapat kemudahan perumahan.

BAS PELANCUNGAN

21. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bas-bas pelancungan selalu menggunakan perhentian-perhentian bas ekspres dan jika ya, sama ada beliau bercadang mengadakan satu perhentian khas untuknya oleh kerana bas-bas ini juga mengambil penumpang seperti bas ekspres.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Kementerian saya sedar bahawa ada sebilangan kecil sahaja bas-bas pelancungan menggunakan perhentian bas ekspres khususnya di Perhentian Pudu Raya, Kuala Lumpur. Kementerian ini tidak bercadang mengadakan perhentian khas untuk bas-bas pelancungan kerana bas-bas pelancungan ini dibekalkan dengan lesen yang disyaratkan mengangkut pelancung-pelancung ke tempat-tempat tertentu sahaja. Perbuatan bas-bas pelancung yang mengangkut seperti bas ekspres adalah melanggar syarat dalam lesen. Jabatan Pengangkutan Jalan di bawah Kementerian saya sentiasa mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap bas-bas berkenaan.

PERPECAHAN MASYARAKAT ISLAM

22. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Perdana Menteri menyatakan tindakan Kerajaan bagi mengurangkan penyakit masyarakat terutamanya di kawasan pendalaman seperti kejadian pulau-memulau, tidak ziarah-menziarah satu sama lain, rebut-merebut menjadi

Imam sembahyang di Masjid dan lain-lain lagi yang tidak mengikut kehendak perjuangan Islam.

Dato' Musa Hitam: Kejadian pulau-memulau, tidak ziarah-menziarah satu sama lain, rebut-merebut menjadi Imam sembahyang di masjid, yang berlaku di beberapa negeri adalah satu masalah yang sangat berat, lebih-lebih lagi dari segi agama dan kedudukan agama Islam khasnya.

Kejadian-kejadian tersebut telah memecah-belahkan masyarakat Islam dan mengancam keharmonian masyarakat Islam khasnya dan seluruh masyarakat Islam.

Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengatasi masalah-masalah ini. Langkah utama ialah Kerajaan pusat bercadang untuk mengujudkan peruntukan dalam undang-undang bagi melindungi dan menjamin kesucian agama Islam di negara ini.

Langkah-langkah lain yang telah diambil ialah:

- (a) Jabatan Agama Islam negeri telah mengadakan perjumpaan dan dialog dengan pihak-pihak yang terlibat untuk mencari persefahaman dan penyelesaian;
- (b) Jabatan Agama Islam negeri sedang memperhebatkan dakwah melalui penerangan, syarahan dan penyebaran risalah-risalah.

PERSIDANGAN MENTERI-MENTERI PELAJARAN NEGARA-NEGARA ISLAM

23. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah beliau bercadang hendak menganjurkan satu persidangan Menteri-menteri Pelajaran Negara-negara Islam untuk menyelaraskan sistem pelajaran sesuai dengan semangat hendak menerapkan perundangan Islam di negara ini.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Setakat ini Kementerian Pelajaran belum bercadang hendak menganjurkan persidangan yang dimaksud itu.

RUMAH KEPADA ANGGOTA POLIS

24. Tuan Lim Liang Seng minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa ramai mata-mata yang telah berkhidmat sekian lama masih ketiadaan rumah sendiri dan apabila mereka memohon tanah untuk membina rumah sendiri permohonan kebanyakan mereka itupun cuma diluluskan ketika mereka hampir-hampir bersara ketika mana mereka ini tidak berdaya membina rumah sendiri ataupun membayar balik pinjaman perumahan Kerajaan dengan pencen mereka yang sedikit; jika ya, minta Menteri menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi perkara ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Musa Hitam): Dakwaan Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak benar. Sehingga kini anggota Polis yang telah lama berkhidmat lebih daripada 10 tahun iaitu 12,712 orang atau 49.1% telahpun memiliki rumah sendiri melalui pinjaman perumahan Kerajaan dan juga melalui pinjaman dari koperasi-koperasi Polis. Pada masa ini sejumlah 641 permohonan lagi masih di dalam proses pertimbangan.

Walau bagaimanapun, saya sedar ada beberapa kelewatan berlaku di dalam proses menguruskan permohonan-permohonan untuk pinjaman atau membeli tanah dengan tujuan membina rumah sendiri. Kelewatan ini kadangkala berlaku adalah disebabkan oleh:

- (i) Pemohon tidak dapat mengemukakan dokumen-dokumen berkaitan dengan pelan atau tapak rumah yang hendak dibeli itu dengan lengkap;

- (ii) Bagi permohonan untuk membina rumah di atas tanah sendiri, geran yang dikemukakan oleh pemohon bukanlah membuktikan hak milik pemohon sepenuhnya. Oleh itu pemohon terpaksa menukar nama geran/memecah tanah tersebut terlebih dahulu sebelum permohonan pinjaman dikemukakan semula kepada pihak berkuasa;
- (iii) Pemohon tidak dapat mengesahkan punca pembayaran perbezaan apabila harga rumah yang hendak dibeli itu lebih tinggi dari jumlah ke Layakan pinjaman yang dapat diberi kepada pemohon berkenaan.

PELARIAN FILIPINA DI SABAH

25. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bersedia menjalankan langkah-langkah terhadap banjir pelarian Filipina di Sabah sama seperti layanan yang dikenakan pada pelarian Vietnam di Semenanjung Malaysia, jika tidak mengapa.

Date' Musa Hitam: Untuk maklum Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk mengambil langkah yang sama ke atas pelarian Filipina di Sabah seperti tindakan ke atas pendatang haram Vietnam di Semenanjung Malaysia.

Sebagaimana yang telah ditegaskan beberapa kali dalam dewan yang mulia ini Kerajaan mempunyai sikap yang jelas mengenai pelarian Filipina di Sabah. Kerajaan menganggap orang-orang ini sebagai orang-orang pelarian oleh kerana mereka telah melarikan diri ke Sabah hanya untuk berlindung buat sementara dengan harapan mereka akan dapat kembali semula ke Filipina Selatan apabila keadaan di sana pulih aman damai dan tenteram. Pada masa ini keadaan keselamatan di

Filipina Selatan masih lagi belum tenteram dan atas sebab-sebab peri kemanusiaan orang-orang pelarian ini dibenar tinggal buat sementara di Sabah.

PERMOHONAN SIJIL KERAKYATAN

26. Tuan Tan Kok Hoo minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sehingga hari ini berapa permohonan Sijil Kerakyatan masih belum diluluskan.

Dato' Musa Hitam: Jumlah permohonan kewarganegaraan Malaysia yang masih berada dalam peringkat pertimbangan sehingga 31hb Ogos, 1982 ialah sebanyak 19,709 permohonan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1983

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1983 dan memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1981 DAN 1982)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1981 dan tahun 1982 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA KEBAWAH D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Keenam.” (15hb Oktober, 1982).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong. Saya jemput Yang Berhormat dari Kepong meneruskan ucapannya.

3.44 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, dalam Pilihanraya Umum April lalu, DAP mengalami kekalahan teruk di Semenanjung dan kemenangan di Sarawak dan Sabah. Akan tetapi, di bahagian Pilihanraya Kepayang dalam pilihanraya Kecil Negeri pada 16hb Oktober, 1982, calon DAP, saudara Lau Dak Kee mendapat kemenangan yang cemerlang dengan jumlah undi 16,246 berbanding dengan calon MCA Encik Ng Yoke Kee yang memungut hanya 6,482 undi dengan kadar pengundian 59.9%. Calon DAP memperolehi kelebihan 9,764 undi. Sekiranya kadar

pengundian meningkat ke 70% atau lebih, mungkin calon Barisan Nasional akan hilang wang pertaruhannya. Kemenangan DAP boleh disifatkan sebagai jual sutera beli mastuli.

Kami di dalam DAP mengamalkan sikap merendahkan diri dan kemurahan hati. Kami berharap pihak MCA dan Barisan Nasional akan bekerjasama dengan DAP di kawasan Kepayang demi untuk kepentingan, kebajikan, kebahagiaan dan kesejahteraan rakyat.

Pada 15hb Oktober, saya telah mengesyorkan supaya Suruhanjaya Pilihanraya menghapuskan penyelewengan dan amalan tidak demokratik. Di sini saya suka mengulangi seruan tersebut kerana perbuatan yang melampaui batasan oleh Barisan Nasional di Pilihanraya Kecil Kepayang.

Hampir semua peraturan-peraturan pilihanraya telah dilanggarkan oleh pihak MCA; semua halal asal dapat berkuasa. Susahlah hendak dibayangkan, bagaimana agaknya suasana dalam kawasan Kepayang. Tiba-tiba sahaja kawasan itu menjadi ramai dan ketoloi-ketoloi dan petualang-petualang politik daerah menjadi orang mewah. Permainan wang sudah keterlaluan; berjuta-juta ringgit dicurahkan. Walau bagaimanapun, bagi rakyat jelata sekali jalan terkena, dua kali jalan tahu. Kali ini, siapa yang dipilih oleh rakyat bukan siapa yang banyak menaburkan wang; bukan lagi ada padi semua jadi, ada beras semua deras. Calon yang dipilih ialah orang yang baik, yang jujur dan yang sanggup memperjuangkan kehendak rakyat dan kepentingan negara. Justeru itu, permainan wang dalam kempen pilihanraya terus mengajar rakyat untuk menipu. Menipu diri sendiri. Politik duit melatih rakyat menipu sendiri. Ini adalah bertentangan dengan cogankata: cekap, bersih dan amanah.

Di sini, saya hendak mengemukakan senarai perjanjian yang ditawarkan dan penyelewengan yang dilakukan oleh pihak Barisan Nasional dalam kempen pilihanraya Kecil Kepayang, apa yang disifatkan sebagai 'kedai beli-belah Barisan Nasional'. Walaupun 'kedai beli-belah' itu adalah dilabur dengan modal wang rakyat, tetapi ia digunakan semata-mata oleh Barisan Nasional mengikut kehendak dan kemahuannya untuk memancing undi. Senarai itu adalah seperti berikut:

- (1) Van-van Jabatan Penerangan yang dilengkapi dengan pembesar-pembesar suara digunakan sebagai harta MCA untuk propaganda MCA;
- (2) 20 ekar tanah telah ditawarkan kepada setinggan-setinggan dan orang-orang yang tidak mempunyai tanah di kampung Bercham;
- (3) \$1 juta dijanjikan oleh Timbalan Menteri Pelajaran untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Kampung Bercham;
- (4) 24 lot tanah ditawarkan kepada orang-orang di Kampung Simee;
- (5) \$60,000 dijanjikan untuk perpustakaan di SRJK (C) Chung Teik, Kampung Simee;
- (6) Adalah diumumkan bahawa pada prinsipnya flat-flat di perumahan Waller Court di kawasan Kepayang akan dijual kepada penduduk-penduduknya;
- (7) Guru Besar SRJK (C) Kampung Bercham Encik Ong Chee Keong dan Guru Besar SRJK (C) Chung Teik, Kampung Simee, Encik Yap Seok Khim adalah terlibat dengan kempen pilihanraya MCA;
- (8) 10 anak ayam dan 5 kati serbuk makanan ayam yang berharga \$5 ditawarkan kepada penduduk-penduduk di Kampung Simee;

- (9) Tiket percuma diberi kepada penduduk-penduduk Kampung Simee untuk satu tayangan gambar di pawagam tempatan dan sebagainya.

Dengan semangat yang tidak hangus dibakar api, saya membangkitkan perkara-perkara tersebut agar Perdana Menteri dapat memperbetulkan suasana yang tidak sihat itu, dan seterusnya menunaikan cogankata Kerajaan cekap, bersih, amanah dan berdisiplin. Sungguhpun amalan Barisan Nasional dalam kempen-kempen pilihanraya seringkali menimbulkan kelanggaran terhadap peraturan-peraturan pilhanraya dan jentera Kerajaan dijadikan sebagai jentera pilihanraya Barisan Nasional; tindakan-tindakan ke atasnya tidak pernah diambil oleh Kerajaan, seolah-olah peraturan-peraturan tersebut hanya untuk Pembangkang sahaja, dan pihak Barisan Nasional mempunyai 'undang-undang sendiri', yakni dua standard-rupa boleh diubah, tabiat dibawa mati. Akan tetapi, saya mempercayai bahawa Perdana Menteri bermaksud hendak melakukan keadilan sepertimana yang terkandung dalam ucapan-ucapan dan kenyataan-kenyataannya semenjak beliau mengambil alih jawatannya daripada Tun Hussein Onn. Tambahan pula, pada 17hb Oktober 1982, Perdana Menteri menegaskan bahawa keangkuhan kuasa tidak ada tempat dalam pemerintahan berlandaskan Islam. Saya berpendapat keangkuhan majoriti dan kezaliman majoriti di Dewan yang mulia ini adalah termasuk dalam maksud beliau.

Saya hendak memperingatkan bahawa Raja adil Raja disembah, Raja tak adil Raja disengguh. Hakikat dan kenyataan yang muncul di kawasan Kepayang adalah paling ketara. Oleh itu, saya mengesyorkan supaya:

Pertama, Suruhanjaya Pilihanraya membuat penyiasatan selanjutnya tentang kempen Pilihanraya Kecil

Kawasan Kepayang untuk menentukan sama ada senarai tersebut adalah benar. Saksi-saksinya ialah pemilih-pemilih kawasan Kepayang terutama di Kampung Simee dan Kampung Bercham.....

Dr Tan Tiong Hong: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bercakap di atas tertib Mesyuarat?

Dr Tan Tiong Hong: Saya minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan. Hendak beri jalan?

Dr Tan Seng Giaw: Asalkan Tuan Yang di-Pertua tidak potongkan masa saya.

Dr Tan Tiong Hong: Dalam senarai Yang Berhormat dari Kepong beliau telah memberitahu Dewan yang mulia ini ada satu perjanjian yang beliau sebut saya telah diberi kepada Lembaga Sekolah di Bercham. Saya ingin memberi penjelasan di sini, permohonan yang dibuat oleh Lembaga sekolah untuk menambah bilik darjah telah dibuat sebelum ada satu by election di Kepayang.

Yang kedua, tarikh bagi saya untuk membuka rasmi bangunan tambahan sekolah Bercham telah dibuat sebelum by-election di Kepayang dan janji yang diberi kepada sekolah itu bukan \$1 juta, hanya kita akan luluskan ialah permintaan dari pihak Lembaga Pengurus sekolah untuk menambahkan lagi bilik-bilik darjah di sekolah oleh kerana ada kekurangan bilik darjah. Jumlah \$1 juta ialah jumlah spekulasi yang diberi oleh pihak lain, bukan dari pihak saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Point of clarification. Saya harap Yang Berhormat dari Kepong boleh beri jalan. Bukankah benar bahawa dalam kempen Kepayang Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran ada pergi dan sebelum hari undi ada memanggil satu mesyuarat guru-guru dari Kepayang dan cuba mendesak guru-guru besar tolong undi MCA. Ini salah satu guna kuasa. Apa boleh mempertahankan keadaan semacam ini?.

Tuan Yang di-Pertua: Pada fikiran saya itu adalah out of order. Hanya pada masa mana-mana Ahli bercakap yang lain itu boleh meminta supaya beri jalan, kalau dia beri jalan, bolehlah. Tetapi jikalau sekiranya seseorang itu hendak bangun, hendak beri syarahan asing daripada Ahli yang sedang bercakap, itu tidak dibenarkan. Saya minta Ahli Yang Berhormat dari Kepong teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan supaya:

Kedua, Menteri Penerangan mengadakan penyelidikan ke atas aktiviti-aktiviti Jabatan Penerangan di Kawasan Kepayang untuk memastikan sama ada benar aktiviti-aktivitinya adalah sangat kurang pada biasanya, tetapi semasa Pilihanraya Kecil Kepayang, kegiatan-kegiatan seperti rondaan van-van penerangan untuk dakwah Barisan Nasional dipereratkan, seolah-olah ianya bangun dari tidur; betapa pada hari-hari biasa, tetapi menjelma ketika pilihanraya.

Ketiga, jika dasar perjanjian MCA untuk membahagikan 20 ekar tanah kepada setinggan-setinggan dan orang-orang yang tidak mempunyai tanah di Kampung Bercham serta 24 lot tanah bagi orang-orang di Kampung Simee adalah dalam bidang tugas Kementeriannya, saya meminta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah supaya membuat pemeriksaan ke atasnya. Seandainya

perkara ini tersekat dalam bidang tugas Kerajaan Negeri Perak, maka Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Kepayang akan membangkitkan perkara tersebut di Dewan Negeri Perak kelak. Manakah akan kita dapati tanah yang dimaksudkan itu? Bilakah ia dapat dibahagikan kepada orang-orang miskin di Kampung Bercham dan Kampung Simee.....

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa masa sudah cukup untuk Yang Berhormat. Sudah lebih daripada 20 minit setelah pun dikira pada masa penjelasan tadi.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali saya minta Menteri Pelajaran mengesahkan sama ada \$1 juta diperuntukkan bagi SRJK(C) Kampung Bercham dan \$60,000 dijanjikan untuk perpustakaan SRJK (C) Chung Teik, Kampung Simee serta sama ada guru-guru besar di kedua-dua sekolah tersebut menceburkan diri dalam politik Barisan Nasional amnya dan kempen Pilihanraya Kecil Kepayang khususnya. Sekiranya peruntukan wang tersebut direstui oleh Kementerian Pelajaran, bilakah sekolah-sekolah tersebut dapat menerima wang itu. Kerajaan 2M bertujuan untuk mengadakan disiplin serta Kerajaan yang cekap, bersih dan amanah. Jika didapati dakwaan-dakwaan tersebut adalah benar, adakah tindakan disiplin akan diambil ke atas kedua-dua guru besar tersebut.

Akhir sekali, saya mendesak agar pihak-pihak yang berkenaan termasuk Kementerian Penerangan, Kementerian Pelajaran dan Suruhanjaya Pilihanraya menyiasat akan kebenarannya dan kemudiam mengambil tindakan yang sewajarnya sambil memastikan perjanjian-perjanjian tersebut dapat dikotakan demi untuk kepentingan, kebajikan, kesejahteraan dan kebahagiaan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Muda.

3.57 ptg.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut (Ulu Muda): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong satu Usul yang dibawa oleh sahabat saya dari Balik Pulau berkenaan dengan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Yang di-Pertuan Agong pada hari perasmian Dewan Parlimen ini.

Setelah kita mendengar Titah Ucapan Kebawah Duli, kita sedar bahawa rakyat diseru menyesuaikan diri dengan kemelesetan ekonomi negara. Negara yang mengukur nilai-nilai kejayaan kebendaan semata-mata adalah negara yang tidak berjiwa. Kita berkorban untuk kepentingan bersama baik di mana kita berada sama ada bersendirian, swasta mahupun Kerajaan, pemimpin ataupun rakyat umum. Marilah sama-sama kita dokong semangat berat sama dipikul, ringan sama dijinjing; buatlah seperti kata orang tua-tua: hati kuman sama dicecah, hati gajah sama dilapah.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusi Mesyuarat*).

Tuan Yang di-Pertua, kita semua berasa amat sukacita kerana Pilihanraya Umum telah berlangsung dengan lancar dan teratur dan Barisan Nasional menang dengan begitu banyak sekali dan parti-parti lain begitu tercengang apabila menengok keputusan kita. Ini bermakna kita berjaya mengukuhkan lagi institusi demokrasi di negara kita. Pilihanraya ini mempunyai erti yang tersendiri kerana ini adalah kali pertamanya generasi yang lahir selepas merdeka berpeluang menggunakan hak mengundi mereka. Dengan peraturan mereka ini kita yakin akan terpeliharalah warisan demokrasi yang kita sanjung selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa hari perasmian Dewan Rakyat pada tempoh hari, saya tengok di dalam Majlis itu-hari perasmian pada 10-10-82; hari perasmian itu pakaian seragam

adalah menjadi perhatian ramai terutama sekali Menteri-menteri, Timbalan Menteri-Timbalan Menteri dan pegawai-pegawai Kerajaan. Ini saya ucapkan syabas kerana apabila tengok pakaian begitu indah, inilah kita membanggakan Dewan yang mulia ini; tetapi pada hari tersebut saya tengok sungguh malang sekali mengapa dan sebab apa Setiausaha-Setiausaha Parlimen tidak diberi peluang memakai pakaian seragam (uniform) sepertimana yang dipakaikan oleh orang lain dan ada juga Timbalan Menteri tidak memakai uniform seperti Timbalan Menteri lain.

Ini perlu dikaji semula, patut dielakkan balik. Kalau boleh pada hari perasmian Parlimen ini, kami sebagai Back-benchers juga perlu termasuklah pegawai kerajaan biarlah kita rasmikan secara kita buat perasmian di peringkat negeri. Orang Melayu mestilah pakai pakaian kebangsaan seragam dengan tengkolok tanjak kerana dalam setahun hanya sekali sahaja kita boleh menunjukkan keindahan pakaian seragam kita. Ini adalah perlu yang mana pihak Parlimen patut memberi perhatian yang serius apabila hari perasmian itu hendaklah kita buat macam mana peringkat negeri. Apabila perasmian kalau ada 10 bintang pakailah 10 bintang pada hari perasmian dan dengan pakaian yang begitu lengkap dan itulah hari kalau boleh kita bawa keris bersama. Ini adalah hari yang baik sekali kerana kita membanggakan pakaian kebangsaan kita.

Saya tengok kalau kita kena pakai macam di Kedah, saya berani beri pendapat kalau tuan-tuan dikhaskan pakai lengkap sama ada orang Melayu, Cina atau India yang menjadi wakil rakyat kena pakai tengkolok begitu kacak dan indah sekali dan kalau boleh saya mintalah pihak Parlimen ini di masa akan datang tahun hadapan apabila perasmian, pakaian kebangsaan tengkolok lengkap dengan pakaian itu patut diwajibkan kepada

Ahli-ahli Parlimen tak kira siapa. Kalau orang pelawat hendak datang pun kena pakai secara lengkap dengan pakaian rasmi itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari perasmian Parlimen tempoh hari saya lihat inilah kali kedua pihak hakim seluruh negara dijemput dan pakaian yang begitu indah tetapi ada juga hakim saya tengok seorang dua tak pakai seperti mana yang dikehendaki oleh kehakiman-seorang bangsa Punjabi saya agak, dia tak pakai wig yang diperlukan itu, dia pakai turban dan ada seorang hakim saya tengok bukan saya hendak menyentuh, ini sebagai contoh, seorang hakim tak pakai wig. Jadi kalau boleh masalah pakaian hakim ini saya tengok masih lagi jadi soalan dan perbincangan hakim-hakim sekalian.

Kalau dahulu Speaker sendiri tak boleh buang pakaian wig, tetapi alhamdulillah sudah bertahun-tahun pihak Speaker Dewan Rakyat dan Dewan Negeri telah mengubah corak pakaian mereka sehingga Tuan Speaker sendiri pakai kita tengok sungguh indah dan sungguh membanggakan dan kita percaya seluruh rakyat puji dan kalau boleh diperingkat mahkamah seperti mana saya tengok hakim-hakim ada yang tak beruban semuanya beruban kerana pakai wig. Kalau boleh sudah tiba masanya bagi pihak Kerajaan menyesuaikan pakaian mereka itu dengan cara yang dibuat oleh Speaker Dewan Rakyat dan Dewan Negeri di seluruh Malaysia ini dan tentang perbezaan itu bubuhlah songkok, kalau dia hakim yang pangkat tinggi bubuh relang yang banyak. Kalau dia hakim pangkat rendah sedikit relang dua atau tiga, itu terpulang kepada Kerajaan. Saya hanya bagi pendapat sahaja supaya pendapat ini boleh digunakan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita telahpun akui dalam Perlembagaan kita Bahasa

Kebangsaan adalah bahasa rasmi negara, di mahkamah rendah dan mahkamah tengah saya agak Bahasa Kebangsaan digunakan di mahkamah tetapi malangnya sekali, di mahkamah tinggi masih lagi digunakan bahasa Inggeris, tidak menggunakan Bahasa Kebangsaan. Ini perlu, kalau boleh saya agak pihak Kerajaan mesti bagi target kepada mahkamah tinggi supaya Bahasa Kebangsaan digunakan sama ada 3-5 ataupun 10 tahun lagi. Jadi senang bagi pihak kehakiman boleh menggunakan Bahasa Kebangsaan di dalam mahkamah di seluruh negara kita ini. Saya tahu masalah ini akan ada tentangan daripada pihak peguam kita, kebanyakan peguam yang tak berapa fasih dalam Bahasa Kebangsaan maka sebab itulah kita telah lambat hendak menggunakan Bahasa Kebangsaan di peringkat mahkamah tinggi. Kalau boleh, dengan adanya syor saya ini, biarlah seluruh mahkamah kita beransur-ansur ubah Bahasa Kebangsaan boleh digunakan di dalam mahkamah yang mana peguam-peguam terpaksa kena belajar Bahasa Kebangsaan, kalau tidak mereka tak boleh ambil kes pergi ke mahkamah tinggi. Kalau disyaratkan dalam mahkamah tinggi 5 tahun lagi kena pakai Bahasa Kebangsaan, selepas 5 tahun mereka tak boleh bawa bahasa Inggeris di dalam mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran kerana di seluruh negara telahpun wujud Pejabat Pelajaran Daerah. Di Kedah ada 7 buah pejabat pelajaran daerah di mana pegawai pelajaran ditempatkan di situ seperti contohnya di dalam kawasan saya di Pendang disatukan dengan Padang Terap. Saya hendak beri perhatian kepada Kementerian Pelajaran supaya beri pertimbangan.

Di Padang Terap sekolah-sekolah yang ada di sana, sekolah menengah dan rendah tidak pun sampai 30 buah, tetapi di Pendang lebih daripada 50 buah sekolah tetapi mengapa dan

sebab apa Kementerian Pelajaran apabila ditetapkan pejabat pelajaran daerah Padang Terap dan Pendang itu dibuat pejabatnya di Padang Terap di Kuala Nerang sedangkan di sana sekolah sangat sedikit. Jadi kalaulah pejabat pelajaran daerah mengadakan mesyuarat daerah tiap-tiap kali Kerajaan kena bayar banyak kerana orang di sebelah Pendang hampir lebih daripada 50 buah sekolah terpaksa pergi ke Kuala Nerang. Inilah masalah yang perlu dikaji oleh Kementerian Pelajaran sama ada lebih sesuai di Pendang ataupun di Kuala Nerang kalau buat pejabat itu. Walau bagaimanapun, saya yakin dan percaya dengan adanya pejabat pelajaran daerah di peringkat daerah itu maka sudah tentulah dasar dan mutu pelajaran kita akan meningkat naik lagi daripada masa yang lepas. Dan saya berdoa kepada Allah subhanahu wa ta'ala supaya pejabat pelajaran daerah di seluruh negara ini menjalankan tugas mereka dengan jujur dan ikhlas demi kepentingan bangsa, ugama dan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya hendak tegur di sini saya sudah dua kali jadi wakil rakyat di Parlimen ini, saya adalah orang yang terkenal di Kedah, saya adalah orang 'ulu' tetapi saya berasa bangga kerana saya masih 'muda' sungguhpun 50 tahun-'ulu' tetapi 'muda'. Saya tengok di Kedah di bahagian saya di Ulu Muda, Sik terutama sekali dan di bahagian kawasan rakan saya di Baling dan juga di Padang Terap mengapa dan sebab apa penerimaan service yang diberikan oleh Kementerian Tenaga, Pos dan Telekom perlu memberikan perhatian yang serius kerana kalau saya hendak bercakap telefon di kawasan saya, dengan daerah Sik kalau saja hendak telefon harus memakan masa yang begitu lama. Saya telah mencuba berkali-kali saya beri tahu kepada isteri saya, supaya telefon ke Sik sejauh 44 batu ke Alor Setar, saya kata kamu telefon. Isteri saya telefon

ke nombor yang saya beri hendak bercakap dengan pejabat daerah dan saya terus start kereta pergi ke Sik pergi hendak berjumpa DO tetapi apabila saya balik semula, isteri saya masih tak dapat bercakap lagi. Adakah ini baik namanya? Telefon tak dapat bercakap, saya pergi 44 batu balik semula ke rumah sampai sejauh 88 batu dan isteri saya tak boleh bercakap lagi. Demikian juga di Baling dan Padang Terap, service Telecoms sangat berkurangan tak memuaskan. Ini bukan perkara baru. Saya sudah menjadi wakil rakyat pertama kali 3 tahun 8 bulan dan sekarang baru jadi wakil rakyat lagi, service telefon masih lagi kurang berkesan di kawasan saya.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu di Kedah kita tak boleh lari daripada membuat bendang mengeluarkan padi dan sebagainya. Saya mengucapkan syabas dan terima kasih kepada MADA dan Kementerian Pertanian yang telah mewujudkan satu badan yang dinamakan MADA. Tetapi di dalam kawasan MADA ini kita masih lagi mendapat masalah beribu-ribu ekar lagi masih tak dapat diusahakan oleh petani di dalam kawasan MADA. Apabila saya berbincang dengan pihak MADA mereka mengatakan MADA II akan wujud. Ini bukan perkara baru, sudah hampir 4 tahun atau 5 tahun-MADA II akan wujud tetapi sebagai contoh di kawasan Paya Jenun yang mana kawasan seluas hampir 5,000 ekar tanah masih kekeringan tak ada air penuh dengan rumput. Pada masa persidangan Dewan dahulu saya telah bangkitkan masalah di Paya Jenun ini iaitu petani masih tak boleh mengusahakan padi mereka kerana rumput yang banyak, air tak dapat ataupun air banyak, maka MADA kata hendak mengadakan MADA II. Sudah 4-5 tahun tak ada MADA II itu. Dengan sebab itu mereka tak boleh mengadakan perusahaan padi di kawasan mereka. Saya ingin merayu dan meminta kepada Kementerian Pertanian supaya berilah perhatian

yang serius kepada tanah-tanah yang tidak dapat diusahakan tanaman padi di kawasan Kedah ini kerana masih banyak lagi.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, masalah yang baru timbul ialah masalah perusahaan padi yang mana kita di Kedah ini selalu kita memikirkan harga padi, negeri Kedah boleh dikatakan bangga juga kerana dapat menyelamatkan foreign exchange tidak kurang \$300 juta tiap-tiap tahun kerana kita mengeluarkan padi. Maka penyakit padi ini begitu banyak sekarang. Dahulu kita tidak dengar penyakit merah, sekarang boleh dikatakan di mana-mana juga penyakit merah. Bagaimanakah caranya kita boleh mengatasi penyakit merah yang telah datang ke kawasan pak-pak tani ini? Ini adalah satu perkara yang merbahaya daripada satu tahun ke satu tahun meningkat naik. Cubalah MARDI ataupun Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan sebagainya mencari jalan supaya penyakit merah ini tidak wujud di dalam kawasan penanaman padi. Bukan di Kedah sahaja, bahkan di seluruh negara. Penyakit merah ini adalah satu penyakit sepertimana yang kita heboh sekarang penyakit denggi, lebih kurang macam itulah, makin sehari makin ramai orang sakit, matipun banyak. Oleh yang demikian, saya minta Kementerian Pertanian supaya bersungguh-sungguh cari jalan bagaimana caranya kita hendak menyelesaikan masalah penyakit merah ini.

Tuan Yang di-Pertua, Seberang Perai dahulu kepunyaan Kedah, cuma diberi pajakan kepada Kerajaan Pulau Pinang dan bayaran pajakan pun lebih kurang \$10,000. Alhamdulillah, saya dengar berita mengatakan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sedang berusaha hendak memberi pertimbangan dan pertimbangan itu biarlah sejajar dengan kehendak masa dan zaman dan betapa perlunya negeri Kedah kepada

keuangan. Jadi, saya minta Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah tolonglah beri penilaian yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu di Seberang Perai ini saya tengok hanya tanah-tanah bendang ditinggalkan begitu sahaja, tidak diusahakan. Ramai orang mengatakan patut dibina perumahan, tetapi sebenarnya penyakit di sana adalah bukan penyakit merah, mungkin penyakit merah itu salah satu sebabnya, tetapi tikus-tikus begitu banyak sekali. Bagaimana caranya kita boleh mengelakkan tikus-tikus membiak di kawasan Seberang Perai di mana kawasan padi, bermakna kawasan JPT. Jabatan Parit dan Taliair.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa ada dua minit lagi.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

.....kerana Jabatan Parit dan Taliair telah wujud di sana begitu lama, tetapi oleh kerana tikus ataupun penyakit merah begitu merebak di sana kerana bendang-bendang di situ boleh dikatakan tinggal tidak diusahakan langsung.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya ingin merakamkan penghargaan yang tinggi kepada tuan-tuan dan puan-puan yang memberi sokongan kepada saya untuk menjayakan pilihanraya. Tadi kita dengar wakil dari Kepong menyatakan beliau merasa bangga di atas kemenangan DAP pada 26hb di Kepayang dan orang yang mengundi tidak sampai 60% keluar mengundi. Beliau mengatakan kalau 100% keluar mengundi boleh jadi MCA akan hilang depositnya di Kepayang. Oleh kerana peratus tidak keluar mengundi itulah yang menyebabkan mereka menang begitu banyak.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, sahabat saya dari Rantau Panjang berkata beliau berasa bangga

wakil PAS masih ada lima orang di Parlimen ini. Tetapi untuk makluman Yang Berhormat dari Rantau Panjang bawah pemimpin-pemimpin agung PAS satu jatuh di Kelantan, Presidennya jatuh di Kelantan, kalah di kawasan Nilam Puri. Timbalan Presidennya kalah di Kubang Pasu oleh Perdana Menteri kita sendiri dan Naib Presidennya bertanding di Ulu Muda yang mana saya sendiri mengalahkannya. Saya berdoa biarlah pemimpin-pemimpin ini cari orang yang seperti mereka baru cari pada 22hb April dahulu, insya Allah kita akan hapuskan pengaruh PAS sepertimana Kedah buat daripada tujuh kerusi dahulu keputeraan Negeri hanya tinggal dua, daripada dua parliamenterians dahulu di Kedah hanya tinggal satu dan insya Allah, saya yakin dan percaya kalau semangat Barisan Nasional di Kedah begitu kuat, kita percaya PAS akan luput. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bukit Mas.

4.17 ptg.

Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut serta menyampaikan Ucapan Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan yang disampaikan oleh Baginda dan menyokong usul yang dibawa oleh Ahli Parlimen dari Balik Pulau.

Tuan Yang di-Pertua, kita baru-baru ini telah merayakan kemerdekaan negara kita yang ke 25 tahun. Dalam tempoh sejarah kemerdekaan ini negara kita telah mencapai satu tahap kejayaan dan kemajuan yang tinggi, kita telah melihat dan sedang menyaksikan beberapa perubahan dalam negara kita yang berhasrat dan bertujuan untuk memperbaiki kehidupan rakyat. Walaupun Kerajaan telah berusaha dengan sedaya-upaya

untuk mempertingkatkan lagi taraf kehidupan rakyat, kita terdapat golongan yang miskin dan sedang dalam keadaan yang teruk, khususnya rakyat di luar bandar. Oleh kerana itu, Kerajaan di bawah pimpinan 2M sentiasa mencari dan mengambil langkah demi membasmi kemiskinan di kalangan rakyat, khususnya rakyat di pendalaman.

Bagi menentukan rakyat miskin ini dapat menikmati faedah dan keuntungan daripada ekonomi negara kita, Kerajaan di bawah pimpinan 2M harus memastikan matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru itu dilaksanakan dengan licin dan cekap. Dalam melaksanakan matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru itu dan dasar-dasar Kerajaan yang lain, Kerajaan seharusnya mengurangkan dari berlakunya red tape, kalau ada, dalam mentadbirkan dan melaksanakan dasar-dasar Kerajaan, mengurangkan dari berlakunya red tape itu akan mempercepat pelaksanaan matlamat Dasar Ekonomi Baru bagi menyempitkan serta menghapuskan jurang pendapatan yang besar yang terdapat di antara kaum bumiputra dan bukan bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan negara kita yang berbilang kaum, keturunan dan ugama, Kerajaan harus mengambil perhatian atas kepentingan kaum-kaum yang terkecil (minority interests) di Sarawak dan Sabah khususnya dan di Malaysia amnya waktu membuat dan membentuk dasar-dasar Kerajaan untuk negara. Perhatian dan kesedaran ini oleh Kerajaan akan menentukan kaum-kaum yang terkecil di Sabah dan Sarawak khususnya dan di Malaysia amnya tidak tertinggal dalam arus perkembangan pembangunan politik sosio-ekonomi, budaya dan pendidikan yang sedang dijalankan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan kaum yang terkecil di Sabah dan

Sarawak khususnya dan di Malaysia amnya adalah rakyat yang jauh daripada bandar dan jauh dari kemudahan-kemudahan tertentu. Oleh kerana itu usaha Kerajaan untuk memperbaiki taraf kehidupan rakyat di luar bandar seharusnya diperhebatkan lagi iaitu kaum bumiputra digalakkan lebih hebat lagi supaya melibatkan diri dalam bidang perniagaan, perusahaan dan perindustrian. Satu langkah bagi menggalakkan kaum bumiputra melibatkan diri dalam bidang perniagaan perusahaan dan perindustrian ialah untuk Kerajaan menubuhkan bank dan institusi kewangan di luar bandar (rural banking services). Penubuhan bank dan institusi kewangan tersebut akan menolong dan memudahkan kaum bumiputra dalam mengatasi masalah dan kesulitan wang modal dalam perniagaan mereka. Bank dan institusi kewangan yang sedang menjalani perniagaan di Sabah dan Sarawak dikehendaki supaya melonggarkan sekatan-sekatan yang dikenakan pada pinjaman-pinjaman dari kaum bumiputra, khasnya dari segi cagaran yang diterima. Adalah dicadangkan supaya Kerajaan mengarahkan bank dan institusi kewangan tersebut untuk menerima tanah asli atau tanah termuda bumiputra (native customary land) di Sarawak dan Sabah sebagai cagaran yang sah dan mencukupi. Kelonggaran sekatan ini akan menggalakkan dan menolong bumiputra di Sarawak dan Sabah dalam usaha mereka berniaga.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kemudahan infrastruktur adalah diharapkan supaya Kerajaan membina lebih banyak lagi infrastruktur seperti jalanraya di Sarawak dan Sabah. Di samping itu Kerajaan diminta supaya melapisi dengan tar jalanraya yang sudah dibina dan yang akan disiapkan tidak lama lagi dari Lundu Bahagian Pertama kawasan Sarawak ke Kudat, Negeri Sabah. Pembinaan jalanraya tersebut memudahkan perjalanan di antara Sabah dan Sarawak dan juga

akan meningkatkan lagi aktiviti-aktiviti perniagaan, perusahaan dan perindustrian di antara dua negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan adalah satu perkara yang sangat penting di negara ini. Kerajaan harus memberi keutamaan kepada sekolah-sekolah di luar bandar, khususnya di Sarawak dan Sabah. Sekolah luar bandar memerlukan kemudahan-kemudahan yang lengkap dan sempurna seperti buku-buku, alat-alat tulis dan guru yang berdedikasi, cekap dan amanah. Oleh kerana kebanyakan sekolah tersebut terletak jauh dari bandar, layanan dan pengawasan dari Kerajaan dari masa ke semasa adalah amat penting.

Tuan Yang di-Pertua, saya mewakili satu kawasan yang jauh di Sarawak dan yang telah lama ketinggalan dalam pembangunan. Pada penghujung bulan September dan awal bulan Oktober tahun ini dua kebakaran telah berlaku di Terusan-Lawas, Sarawak. Kebakaran pertama melibatkan 17 buah kedai dan kebakaran kedua melibatkan sebuah asrama (boys hostel) di sekolah menengah Kerajaan Terusan-Lawas. Oleh kerana Lawas dan Terusan tidak mempunyai bomba (fire fighters/fire brigade), kebakaran itu dibiar sahaja melarat. Kebakaran itu telah memusnahkan semua harta dan buku-buku murid sekolah dan penduduk di bandar Terusan. Untuk menjaga dari berlakunya kebakaran lagi yang teruk saya minta supaya Kerajaan memberi alat dan kemudahan bomba di Lawas, Terusan dan Limbang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berucap mengenai potensi dari segi hasil pertanian, ekonomi dan pelancung. Tanah tinggi Bahagian Kelima dan Keempat, iaitu Daerah Bakelalan, Long Semadoh dan Bario supaya satu kajian dan pelan induk (master plan) untuk pembangunan menyeluruh (integrated development) dapat dibuat bagi tanah tinggi tersebut.

Tanah tinggi tersebut terletak kira-kira 3,000 kaki dan 4,000 kaki atas aras laut (above sea level) dan bersempadan dengan Kalimantan, Indonesia. Bekelalan dan Long Semadoh terletak di lembah Sungai Terusan yang subur dan Bario terletak atas satu dataran tinggi (plateau). Tanah tinggi tersebut menerima hujan yang mencukupi tiap-tiap tahun. Angka purata darjah panas waktu siang (average day temperature) ialah di antara 75°F hingga 82°F dan angka purata darjah panas waktu malam ialah di antara 60°F hingga 65°F. Pendek kata, tanah tinggi ini mempunyai hawa atau darjah panas temperature yang serupa dengan hawa atau darjah panas tanah tinggi Cameron dan tanah tinggi Kundasang di negeri Sabah. Oleh kerana iklim dan keadaan cuaca yang sejuk, lagipun tanah yang subur, potensi tanah tinggi ini adalah nyata dan terbukti.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang lampau Kerajaan menerusi agensi seperti Jabatan Pertanian telah melaksanakan beberapa projek di tanah tinggi ini dan didapati bahawa projek-projek itu telah mengeluarkan hasil yang boleh dibanggakan. Tanaman-tanaman vegetables dan tree crops seperti sayur kobis, cauliflower, sawi putih, kacang dan buah epal dan sebagainya telahpun ditanam dan telah didapati berhasil dan berbuah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun ini SEBERKAS Kampung Buduk Aru dalam daerah Bekelalan telah memenangi tempat pertama dalam pertandingan projek pertanian peringkat negeri. Dalam pertandingan ini sayuran, buah-buahan dan tanaman seperti sayur kobis dan sebagainya, jagung, pisang, kopi, nenas, tebu, padi sawah, kolam ikan, ubi kayu, pemeliharaan babi, kerbau, sapi dan ayam adalah projek-projek yang diambil oleh unit SEBERKAS ini. Kejayaan mereka disebabkan kesuburan tanah tinggi ini dan juga iklim dan keadaan cuaca yang sejuk itu telah menjadikan tempat ini sesuai

untuk tanaman dan pemeliharaan ternakan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan potensi tanah tinggi ini dapat mengeluarkan keuntungan dan faedah yang besar kepada rakyat dan negara, saya minta supaya tanah tinggi dibuka secara besar-besaran bagi commercial farming. Oleh kerana tanah tinggi ini jauh dari bandar, tidak ada jalan lain, hanya ikut kapal terbang sahaja. Kerajaan harus membina dan mewujudkan infrastruktur dan kemudahan asas supaya mencepatkan proses pembangunan di tempat ini. Kita sedar bahawa di mana adanya infrastruktur seperti jalanraya dan kemudahan asas di sanalah wujudnya pembangunan dan pesatnya aktiviti ekonomi dan perusahaan.

Mengenai agensi yang dapat mengambil titik berat dalam perkara ini satu lembaga yang diberi nama "Land Consolidation Development Authority" (LCDA) telah ditubuh bagi membuka dan membangun tanah yang tertentu di Sarawak. LCDA ini adalah buah fikiran (brain-child) Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Haji Abdul Taib bin Mahmud. LCDA dapat mengambil titik berat dalam perkara ini bagi membangun dan membuka tanah tinggi bagi skim-skim pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang perlu dibuat sekarang oleh Kerajaan Persekutuan ialah memberi peruntukan dari segi wang bagi membuka dan membangun skim-skim pertanian dan haiwan di tanah tinggi ini oleh kerana ada machinery yang sedia bagi peringkat negeri untuk menjalankan tugas-tugas dalam perkara ini. Memandangkan kekurangan sayuran, buah-buahan dan daging di negeri Sarawak, pembangunan tanah ini akan membekalkan keperluan tersebut dalam jangka masa panjang. Hasil-hasil tanah tinggi ini dapat dipasarkan dengan wujudnya jalanraya di antara Sarawak dan Sabah tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat di tanah tinggi ini hidup dalam kemiskinan dan kesengsaraan oleh kerana jauh dari bandar. Cara mereka melawat bandar ialah dengan kepalterbang atau berjalan kaki sahaja yang mengambil masa selama satu atau dua minggu. Tidak ada jalanraya ataupun sungai yang dapat digunakan untuk melawat tanah tinggi ini. Rakyat hidup penuh penderitaan.

Memandangkan apa yang telah saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, adalah permintaan saya supaya Kerajaan memberi pertimbangan sepenuhnya atas masalah mereka dan menjadikan tanah tinggi ini satu pusat skim pertanian dan haiwan yang besar di peringkat negeri Sarawak. Sekim tersebut akan memberi faedah dan keuntungan kepada rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau tanah tinggi Cameron itu telah menjadi satu yang boleh dikatakan vegetable and fruit bowl bagi Semenanjung Malaysia dan tanah tinggi Kundasang, Sabah telah menjadi satu vegetable bowl bagi Sabah, saya tidak mengerti mengapa tanah tinggi Limbawang dan Kelabit di Bahagian Kelima dan Keempat ini tidak dapat dijadikan satu vegetable and fruit bowl bagi negeri Sarawak. Mudah-mudahan saya harap Kerajaan Persekutuan akan mengambil perhatian yang sewajarnya atas perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Selangor.

4.29 ptg.

Dato' Lee Kim Sai (Ulu Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul mengucapkan terima kasih ke atas Titah Ucapan Kebawah Duli.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan ada menyebut:

“Kita telah berjaya meletakkan asas kukuh ke arah melahirkan satu warga, satu bahasa dan satu budaya.”

Rasa saya apa yang dimaksudkan satu warga itu adalah satu warga atau satu masyarakat yang berbilang kaum itu yang telah diintegrasikan dan bukannya satu warga atau satu masyarakat yang telah diasimilasikan yang bersatu hati dengan penuh ketaatan setiaan.

Dalam konteks ini suka saya merujuk kepada satu kenyataan Kerajaan yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Perhimpunan MCA baru-baru ini bahawa Kerajaan telah melucutkan sebanyak 16,000 sijil kerakyatan Malaysia, kerana disebabkan mereka itu telah meninggalkan Malaysia dengan sebab-sebab tertentu dan ditekankan mereka itu majoriti daripada orang-orang keturunan Tionghua. Suka saya melaporkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa reaksi daripada masyarakat Tionghua adalah dalam keadaan bimbang dan kekeliruan. Mereka berpendapat kenyataan itu adalah seolah-olahnya merupakan satu tanda yang mengingatkan masyarakat Tionghua supaya berhati-hati dengan tindakan mereka khususnya dari segi ketaatsetiaan.

Saya percaya masyarakat Tionghua tidak mahu mempertahankan sesiapa yang telah hilang kepercayaan terhadap negara Malaysia khususnya mereka yang bersikap; ‘Diharap pagar, tetapi pagar makan padi’, tetapi Kerajaan harus meneliti sebab-sebab yang mengakibatkan kejadian ini dan jangan sekali-kali hanya menunggu untuk melucutkan sesuatu sijil kerakyatan itu. Sejarah Negara Malaysia telah membuktikan bahawa masyarakat Tionghua telah berganding bahu dengan rakyat lain dalam membina negara Malaysia melalui proses mencapai kemerdekaan, melaksanakan pembangunan dan berdiri teguh sekarang di mana Kerajaan sedang melangkah ke arah membina sebuah negara yang benar-benar dihormati dan disegani oleh

masyarakat antarabangsa. Tidak harus diragu-ragukan bahawa masyarakat Tionghua yang sanggup duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara Malaysia sama ada dari segi memberi sumbangan terhadap pembangunan negara atau dalam keadaan negara menghadapi konfrontasi atau cabaran kuasa luar.

Tuan Yang di-Pertua, cara integrasi yang saya maksudkan adalah merupakan satu asas prinsip sahaja dan bukanlah bersifat mutlak. Ini adalah kerana Kerajaan masih boleh mengambil langkah-langkah tambahan untuk membantu mencipta matlamat seperti Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan untuk memperseimbangkan kedudukan ekonomi antara kaum. Adalah jelas bahawa Kerajaan sedar untuk mencapai perpaduan, perlunya keadaan di mana sesuatu kaum atau mana-mana pihak yang berkenaan melindungi kepentingan ekonomi itu dihapuskan untuk membolehkan rakyat seluruhnya menikmati kekayaan ekonomi secara adil dan saksama.

Dalam bidang ekonomi kaum bumiputra sedang mencapai kemajuan pesat melalui Dasar Ekonomi Baru. Kerjasama di antara bumiputra dan bukan bumiputra juga telah diwujudkan dari semasa ke semasa. Selain daripada itu usaha-usaha ekonomi raksaksa di antara bumiputra dan bukan bumiputra sudah dilihat akan muncul di dalam Malaysia. Dari sini kita dapat melihat bahawa tanggapan Kerajaan terhadap perpaduan keseluruhannya adalah berdasarkan keadilan iaitu rakyat akan bersatu-padu jika ada keadilan. Akan tetapi saya berpendapat konsep keadilan itu harus juga dijadikan asas dalam politik negara kita.

Dalam politik dan kuasa pentadbiran Kerajaan adalah masih berada dalam keadaan yang tidak mencerminkan komposisi masyarakat berbagai kaum. Jika sebahagian besar

kuasa itu hanya dipegang oleh sesuatu kaum sahaja keadaan itu akan tidak selaras dengan, keadilan yang diamalkan oleh Kerajaan dalam bidang ekonomi. Kedudukan yang tidak seimbang ini adalah dianggap sebagai sikap melindungi politik. Ini adalah tidak selaras dengan semangat rakyat berbagai kaum di Malaysia ini yang hendaknya berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Oleh itu pembahagian kuasa politik serta kuasa pentadbiran harus disusun semula supaya penyertaan politik dari setiap kaum ini lebih saksama dan beri peruntukan yang cukup untuk bertanggungjawab mentadbirkan negara.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang berlaku di kampung bandar Selancar, Pahang Tenggara pada 24hb September, 1982 menjadikan saya rasa harus berkewajipan mengingatkan Dewan yang mulia ini betapa seriusnya ancaman pendatang haram Indonesia kepada keselamatan dan ketenteraman masyarakat kita ini dan seterusnya mencadangkan Kerajaan mengambil segala langkah yang berkesan bagi mencegah kemasukan pendatang Indonesia secara haram dan mengawasi mereka yang diambil untuk bekerja melalui saluran-saluran rasmi dengan cara teratur.

Sebenarnya ancaman-ancaman pendatang haram Indonesia kepada ketenteraman masyarakat kita telah lama wujud. Dahulu mereka hanya melakukan kes-kes jenayah dengan cara perseorangan atau berkumpul 2-3 orang dan kes-kes biasa sahaja seperti kecurian atau pecah rumah sebelah malam sahaja. Akan tetapi kebelakangan ini keadaan telah menjadi serius hingga terdapat seramai 34 pendatang haram Indonesia mempunyai senjata dan lain-lain alat untuk tujuan jahat dijumpai ketika diperiksa oleh polis di Kepong Bahru, Kuala Lumpur. Kejadian terbaru di kampung bandar Selancar ternyatalah kes-kes yang dilakukan oleh mereka itu tidak lagi ketinggalan kes-kes

individual malah adalah kes-kes jenayah yang serius yang dilakukan beramai-ramai atau sekumpulan besar orang. Keadaan begini kalau tidak dikawal mungkin pada satu hari nanti mereka akan berkelakuan bandit atau penyamun dengan menyerang kampung-kampung dan bandar-bandar kecil yang terpencil.

Untuk mengelakkan ancaman ketenteraman masyarakat ini menjadi krisis negara nanti dan saya memang menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dititahkan supaya gunakan peluang dan kesempatan ini untuk mencari penyelesaian kepada masalah rakyat itu. Oleh itu, saya suka mencadangkan supaya satu tindakan bersama diambil oleh pihak-pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, Polis dan Imigresen serta langkah-langkah disusun untuk mencegah kemasukan pendatang haram Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan permohonan sivil kerakyatan melalui Borang G yang dikemukakan oleh orang asing yang dilahirkan di luar negeri, saya menyokong penuh supaya Kerajaan lebih berhati-hati ketika menimbangkan permohonan tersebut, kerana negara kita sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka perlu menegakkan imej negara serta melindungi kepentingan dan hak-hak warganegaranya. Orang asing yang hendak menjadi warganegara Malaysia sebelum permohonannya itu diluluskan mesti memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Dalam konteks ini memang kena pada tempatnya Kerajaan mempunyai kuasa dan hak muktamad mempersoalkan permohonan-permohonan warganegara asing itu dan peraturan itu adalah satu tindakan yang wajar dan tidak boleh diragukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ulangi sekali lagi saya menyokong penuh

tindakan Kerajaan yang berhati-hati ketika menimbangkan permohonan orang asing untuk menjadi warganegara melalui Borang G tetapi saya suka mengambil kesempatan ini untuk menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa ada orang Malaysia sendiri yang sebenarnya dilahirkan di negeri ini juga membuat permohonan melalui Borang G. Ini kerana mereka tidak dapat mengesan surat lahirnya. Kehilangan surat lahir mereka mempunyai faktor-faktor sejarah seperti zaman pemerintahan Jepun dan zaman darurat di mana mereka ini ketika dilahirkan tidak dilaporkan atau hilang surat lahirnya. Dalam zaman-zaman tersebut ibubapa kebanyakannya ketakutan Jepun dan juga tinggal di kawasan pendalaman. Oleh itu kecuaiannya pendaftaran dan pengijrahan telah mengakibatkan surat lahir mereka itu hilang. Kerajaan ada memberi peluang kepada mereka yang hilang surat lahir untuk membuktikannya dan mengambil surat lahir ganti tetapi mereka ini manghadapi kerumitan kerana tempat atau kampung-kampung yang mereka dilahirkan itu telah dipindahkan semula dan tidak ada tempat asal yang boleh dikesan lagi. Inilah punca-punca masalah mereka menghadapi susah membuktikan tempat lahirnya dan terpaksa memohon sivil kerakyatan melalui Borang G yang sehingga hari ini masih belum diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, permohonan-permohonan yang tersebut ini saya suka mencadangkan supaya diasingkan dari kumpulan permohonan orang asing dan Borang G dibahagikan kepada dua kategori; satu kategori pemohon terdiri dari orang asing yang dilahirkan di luar negeri membuat permohonan melalui Borang G dan satu lagi diberi kategori Borang G (1) untuk mereka yang dilahirkan di dalam negara kita yang tidak dapat di kesan surat lahir kerana sebab-sebab yang saya sebutkan tadi.

Saya sedar ini mungkin menimbulkan kerumitan dari segi pentadbiran. Saya berpendapat bahawa kalau Kerajaan dapat menerima cadangan saya pada dasarnya dan dengan adanya semangat bersih, cekap, amanah, masalah pentadbiran itu saya yakin boleh diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat kesilapan ibu bapa tidak harus ditanggung oleh mereka yang memohon sijil kerakyatan kemudian sesudah kita mencapai kemerdekaan selama 25 tahun. Bagi pemohon-pemohon yang menjadi mangsa secara itu telahpun berumur kira-kira 40 tahun. Mereka ini sudah berkahwin dan berumah tangga menetap di negara ini selama mereka dilahirkan. Saya sendiri pernah menemui banyak permohonan-permohonan tersebut dan didapati sumbangan mereka itu tidak kurang daripada rakyat biasa. Saya berkeyakinan penuh melihat keazaman mereka ini tetap bersemangat kewarganegaraan selama menunggu keputusan Kerajaan dan ini dibuktikan dari kelakuan mereka yang menunjukkan minat dengan tidak terputus-putus untuk mengemukakan permohonan mereka. Rasa saya sudah cukup jelas saya menghuraikan perkara ini dan saya dengan hati yang ikhlas menyatakan bahawa permohonan sijil kerakyatan melalui Borang G(1) yang saya sebutkan itu jika ditimbang bukan sahaja mengikut dari sisi undang-undang tetapi juga mengambil kira semua faktor-faktor yang disebutkan itu khususnya dari segi kemanusiaan seperti pertimbangan untuk permohonan Borang E itu, saya rasa satu keadilan telah dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak negara kita menghadapi kejatuhan harga-harga komoditi, peneroka-peneroka FELDA telah teruk mengalami kerumitan dari segi pendapatan. Saya berkata demikian kerana saya mungkin lebih memahami

kedudukan nasib peneroka-peneroka FELDA kerana ada empat sekim besar FELDA di kawasan pilihanraya saya iaitu Sungai Dengi, Sungai Dusun, Kedangsa dan Sungai Buaya. Pendapatan di antara 3,600 hingga 6,000 itu semakin merosot kerana harga komoditi sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang saya maksudkan bukan sahaja kerumitan akibat kejatuhan harga komoditi bahkan masalah yang lebih merungsingkan adalah masalah berlebihan tenaga keluarga-keluarga peneroka FELDA. Bilangan keluarga telah bertambah dalam lingkungan masa selama 16 tahun ini kerana anak-anak mereka sudah dewasa. Tenaga yang berlebihan ini tidak disalurkan pekerjaan-pekerjaan lain yang sesuai kerana sekim-sekim FELDA terletak di kawasan terpencil dari pusat bandar dan kawasan perindustrian. Saya telah nampak peneroka FELDA itu akan menghadapi kerumitan dari segi pendapatan yang serius jika mereka itu dibiarkan terus hanya bergantung kepada hasil kebunnya yang tetap 4.1 hekta luasnya itu.

Saya suka menarik perhatian Kerajaan supaya berikhtiar sesuatu untuk memberi peluang pekerjaan dan mendatangkan pendapatan tambahan. Di sini suka saya mencadangkan beberapa rancangan itu untuk dikaji dan dilaksanakan dalam kawasan sekim FELDA dengan secepat mungkin. Setakat ini konsep FELDA dalam pengeluaran hasil hanya tinggal di atas konsep getah, kelapa sawit sahaja. Masa sudah tiba konsep FELDA itu diperluaskan. Cadangan yang saya maksudkan seperti berikut:

- (a) mengadakan pusat ternakan ayam, kambing, lembu, dan lain-lain tenaga yang sesuai dengan cara sambilan atau cara sekim;
- (b) mengadakan pusat perusahaan tangan atau kraft tangan dan pertukangan perabot ringan cara sambilan atau cara sekim;

(c) perusahaan kecil agro-base seperti pembuatan camphor organic fertilizer, sejenis baja yang boleh diperbuat dari pembuangan kelapa sawit.

Saya memang berharap bahawa cadangan ini dapat diberi perhatian kerana pendapatan sambilan atau pendapatan tambahan untuk peneroka-peneroka FELDA perlu diperuntukkan dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, ke atas topik sekim FELDA itu, suka saya menyentuh lagi tentang komposisi peneroka FELDA. Mengikut rekod Rancangan Malaysia Keempat, dalam tempoh 10 tahun lalu FELDA telah menempatkan 42,000 keluarga dan sebagaimana difahamkan peneroka-peneroka itu sangat kurang terdiri dari mereka yang keturunan Tionghua. Angka peratusan itu, saya segan hendak membacakannya kerana ia terlalu kecil seperti langit dengan bumi.

Sebenarnya di dalam Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan telah berikrar ia akan membetulkan keadaan ini iaitu Kerajaan Pusat akan bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri bagi menjalankan lebih banyak rancangan tanah dan lebih banyak kaum Tionghua akan diambil ke dalam rancangan FELDA. Apa yang dikesalkan ialah keadaan ini bukan sahaja belum diubah malahan buku Rancangan Malaysia Keempat juga tidak menyentuh aspek ini. Ini rasa saya bukan kali yang pertama perkara ini disuarakan dalam Dewan yang mulia ini dan saya pernah mendengar alasan yang diberi oleh Kerajaan khususnya dari segi minat masyarakat Tionghua. Tetapi setelah ditinjau lebih mendalam adalah didapati setengah alasan itu ada rasionalnya tetapi hanya didasarkan kepada kes individu. Tidak dapat dinafikan rakyat keturunan Cina juga sangat dahagakan tanah dan berminat untuk menyertai rancangan FELDA pada keseluruhannya. Rasa

saya ada baiknya dibanyakkan lagi peneroka-peneroka dari masyarakat Tionghua supaya kemasyarakatan di sekim FELDA itu diselaraskan dengan tujuan menyusun semula masyarakat dan masyarakat intergrasi juga dicerminkan di sekim-sekim FELDA.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya suka menyentuh berkenaan dengan masalah tarian singa. Beberapa permohonan untuk mengadakan tarian singa telah ditolak tanpa apa-apa sebab melainkan satu alasan yang diberi oleh pihak polis bahawa ianya adalah arahan baru dari atas. Adalah difahamkan bahawa arahan ini adalah arahan baru, bahawa semua permohonan tarian singa hendaklah ditolak melainkan untuk tahun baru Cina.

Saya suka melaporkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa arahan baru yang tersebut telah mengakibatkan pihak-pihak tertentu khususnya Persatuan Tarian Singa dan masyarakat Cina keseluruhannya telah terasa satu penindasan telah dilakukan kepada kegiatan tarian singa dan satu ancaman serta mencabar kedudukan budaya masyarakat Cina. Dari satu kenyataan surat khabar yang melaporkan bahawa Presiden MCA dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah berbincang dalam masalah tersebut dan selepas itu Ibu Pejabat MCA ada mengeluarkan satu kenyataan bahawa arahan baru itu tidak mencerminkan dasar kebudayaan Kerajaan Barisan Nasional dan juga disebutkan Kerajaan akan membetulkan jika didapati ada kesilapan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah menjadi kekeliruan bahawa kini sekarang pihak polis masih menolak permohonan untuk tarian singa walaupun kenyataan telah dibuat atas masalah itu. Suka saya mencadangkan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memberi satu penjelasan untuk membereskan kekeliruan itu dan

menjamin kedudukan kebudayaan masyarakat Cina tidak akan diganggu dengan alasan-alasan yang tidak menasabah.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya duduk, saya suka membuat satu penjelasan untuk mekluman parti DAP. DAP berasa sangat bangga kerana menang pilihanraya kecil kawasan Kepayang dengan majoriti dan kononnya kalau percentage untuk mengundi itu bertambah, calon MCA atau Barisan akan hilang deposit. Rasa saya ramalan itu tidak berasas dan saya suka saya memaklumkan Parti DAP bahawa calon DAP yang bertanding di kawasan Ulu Selangor Parlimen pada 22hb April itu benar-benar hilang deposit (*Tepuk*)

Saya suka menyentuh sedikit mengenai perkara-perkara yang telah disuarakan oleh Ahli Parlimen kawasan Kepong dan saya tidak perlu sebutkan satu persatu tetapi pada dasarnya kalau mana-mana satu projek dijanjikan oleh Kerajaan, saya ada keyakinan Kerajaan akan mengkotakan janji Barisan Nasional dan kalau mana-mana satu projek ataupun satu-satu perkara itu disuarakan oleh parti sama ada parti MCA atau parti DAP terserah kepada usaha parti masing-masing untuk membawa projek itu untuk kepentingan rakyat di kawasan Kepayang.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tenggaroh.

4.50 ptg.

Tuan Khadri bin Sabran (Tenggaroh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul terima kasih terhadap Titah Ucapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan Penggal Pertama, Parlimen Keenam.

Saya berasa syukur kehadiran Allah s.w.t. kerana diberi peluang sebagai

seorang Ahli Dewan yang baru bertcap pada petang yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titahnya Isnin lalu menghuraikan bahawa salah satu rahsia yang menjamin kejayaan dan kestabilan negara sekarang ialah sifat-sifat kesederhanaan yang diamalkan oleh Kerajaan dan rakyat.

Saya menyokong penuh pendapat ini kerana dengan sifat-sifat kesederhanaanlah sahaja rakyat berbilang keturunan di Malaysia ini benar-benar dapat bekerjasama bersatu-padu, penuh muafakat dan rasa persaudaraan. Sifat kesederhanaan juga akan dapat menjamin suatu kejayaan beberapa polisi termasuk Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pelajaran Kebangsaan kita. Bagaimanapun kita harus ingat bahawa kesederhanaan ini mesti diamalkan oleh semua kaum. Janganlah hendaknya terdapat setengah-setengah kaum yang cuba mengeksploitasikan sifat-sifat kesederhanaan ini dengan suara-suara ekstrimis dan suara-suara perkauman kerana perbuatan seperti ini hanya akan menimbulkan kegelisahan, kesangsian dan situasi yang kurang stabil dalam sistem politik dan ekonomi negara kita. Apabila kita bincangkan sifat-sifat kesederhanaan ini janganlah kita lupa terhadap sensitiviti-sensitiviti keturunan di negara kita kerana sesuatu tindakan dan perbuatan ataupun kenyataan yang melanggar atau menjejaskan sensitiviti ini sudah pasti akan menimbulkan implikasi yang tidak sihat. Saya menyebut perkara ini kerana ini terdapat beberapa contoh dan bukti yang memang terdapat setengah-setengah pihak di negara ini membuat kenyataan dan bertindak dengan sewenang-wenangnya sehingga menjejaskan sensitiviti tersebut.

Selanjutnya kita juga memahami bahawa kesederhanaan itu janganlah dipermain-mainkan sehingga kita

berani mengkritik dan mencemooh Kerajaan berasaskan kepada dasar-dasar yang sedang dilaksanakan sekarang. Kita mesti sedar setiap dasar dan polisi adalah demi untuk kepentingan ramai. Kita juga mesti sedar bahawa setiap dasar dan polisi adalah diluluskan setelah dibahas dan diperbincangkan di dalam Dewan yang mulia ini dan setelah ianya dipersetujui dengan suara majoriti. Oleh itu dalam mengekalkan sifat-sifat kesederhanaan yang kita amalkan ini tidak seharusnya kita bertolak ansur dengan pihak-pihak yang ekstrimis di negara ini. Mereka yang ekstrimis perlu dikutuk, perlu dikecam semata-mata demi kepentingan rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha membina satu negara yang lebih progresif dan makmur kita tidak boleh menafikan peranan teknologi moden dan juga hasil-hasil penyelidikan yang sesuai. Dalam konteks ini saya ingin menyokong kenyataan Pemangku Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Musa Hitam baru-baru ini supaya hasil-hasil penyelidikan terutama sekali penyelidikan yang berkaitan dengan pertanian moden mestilah disampaikan kepada para petani dan diamalkan oleh petani-petani tersebut dengan seberapa segaranya. Tidak gunanya pihak Kerajaan mengeluarkan peruntukan berjuta-juta ringgit untuk membiayai projek-projek penyelidikan sekiranya hasil penyelidikan itu hanya terpendam di fail-fail dan diperpustakaan-perpustakaan sahaja. Umpamannya saya yakin pihak MARDI telah banyak menghasilkan penemuan teknologi moden yang boleh membantu para petani untuk menjadi petani yang saintifik, progresif dan mempunyai daya pengeluaran yang tinggi.

Institusi-institusi lain juga telah menghasilkan beberapa kajian yang dapat membantu kita ke arah pembinaan sebuah negara yang makmur lagi gemilang dan saya harap pihak Kerajaan akan memberi

tumpuan serius dalam memindahkan hasil-hasil kajian ini dari segi teorinya kepada amalan-amalan praktikalnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti sedar bahawa kita sekarang berada dalam zaman meleset. Oleh itu adalah tepat sekali untuk rakyat mengamalkan seruan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong supaya kita berjimat cermat dan menambahkan penabungan. Dalam konteks ini, saya rasa adalah lebih wajar sekiranya rakyat mengamalkan semua konsep bumi hijau secara sukarela. Saya rasa pengalaman konsep bumi hijau ini di mana setiap rakyat digesa berbudi kepada tanah dan penanaman segala jenis sayuran secara kecil-kecilan ini dapat membantu rakyat menjimatkan perbelanjaan harian. Ini secara tidak langsung membantu mereka membuat penabungan sama ada dalam bentuk penabungan di Pejabat Pos ataupun menerusi pelaburan di dalam ASN dan seumpamanya.

Dalam hal berjimat cermat ini juga, saya percaya rakyat yang berbelanja membeli barang-barang keperluan asas sahaja. Janganlah mereka terdorong oleh nafsu sehingga membeli belah dengan cara membazir. Di samping itu khususnya untuk rakyat yang bersempadan dengan negara-negara jiran seperti Singapura dan negeri Thai supaya tidak menghabiskan wang mereka dengan membeli-belah di negara-negara tersebut secara berlebihan. Sebaliknya mereka harus mendisiplinkan diri dengan membeli-belah barang-barang yang perlu di negara ini. Sekiranya perlu saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan membuat sesuatu ketetapan ataupun peraturan bagi menyekat rakyat dari negara ini yang hendak membeli-belah di negara-negara jiran seperti Singapura dan negeri Thai supaya membawa wang tertentu. Saya cadangkan mereka ini membeli-belah haruslah dibenarkan membawa wang paling maksima sebanyak \$100

sahaja. Saya berpendapat perkara ini penting kerana di dalam menghadapi zaman meleset kita tidak sewajarnya menaburkan wang ringgit kita di negara-negara asing.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar salah satu keperluan ke arah pembinaan negara yang lebih gemilang ialah keperluan tenaga manusia yang mahir dan terlatih. Dari segi ini saya mencadangkan supaya keseluruhan institusi latihan dan pendidikan termasuk institusi-institusi vokesyenal, teknikal dan universiti seharusnya menyelaraskan kegiatan mereka supaya mengelakkan pertindihan fungsi dan peranan di institusi-institusi yang telah saya nyatakan tadi.

Umpamanya, sesebuah universiti, kolej, institusi dan sekolah-sekolah vokasional di negara ini perlu membuat pengkhususan di bidang-bidang pelajaran dan janganlah timbul iri hati di antara satu sama lain, sebaliknya mereka harus bekerjasama supaya proses melatih dan mendidik tenaga mahir yang kita perlukan ini berjalan lancar dan memenuhi objektif pembangunan Malaysia yang gemilang. Juga sekiranya kita perlu menghantar generasi muda ke seberang laut kita mesti memastikan supaya mereka ini kembali dengan satu sikap dan tekad membangunkan negara. Saya berpendapat demikian, kerana sekarang ini terdapat ratusan pelajar kita yang berada di luar negeri tetapi mereka mencemuh sistem pentadbiran dan perundangan dasar-dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan kita sekarang. Golongan-golongan seperti ini hendaklah diberi amaran, hendaklah sentiasa dibendung. Jika sekiranya mereka tidak menghiraukan amaran dan bendungan Kerajaan ini maka kita mesti bertindak tegas, umpamanya menarik balik biasiswa yang dianugerahkan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini juga terdapat beribu-ribu generasi muda Malaysia yang sedang menuntut

di Amerika Syarikat. Saya berharap pihak Kerajaan yang sentiasa mengesan perkembangan dan kemajuan pelajar-pelajar tersebut bukan sahaja dari segi prestasinya dari bidang pelajaran malahan juga dari segi perkembangan mereka di bidang kerohanian. Saya berpendapat aspek-aspek kerohanian perlu sentiasa disemaikan di jiwa anak-anak ini supaya mereka akan kembali sebagai anak-anak yang saleh, berdisiplin, mengetahui aspirasi dan objektif negara di samping mengekalkan ciri-ciri dan nilai-nilai hidup ketimuran.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya akhiri ucapan ringkas saya pada petang ini, jika sekiranya tadi Yang Berhormat dari Ulu Muda ada menimbulkan masalah-masalah perkhidmatan telefon yang kurang memuaskan di kawasan pilihanrayanya, maka saya rasa adalah menjadi tanggungjawab saya untuk menimbulkan masalah api kepada Kementerian yang sama di kawasan pilihanraya saya. Jadi, kawasan pilihanraya Tenggaroh adalah merupakan suatu kawasan yang mundur di mana ekonomi penduduk-penduduk di kawasan tersebut bolehlah diistilahkan sebagai berada di bawah paras kemiskinan (below poverty line). Jadi, rata-rata masyarakat Tenggaroh sehingga setakat ini masih banyak yang belum menikmati kemudahan-kemudahan asas walaupun kemerdekaan bagi negara kita ini telahpun lama dicapai. Masalah api bagi kawasan pilihanraya Tenggaroh buat masa ini berada di dalam suatu tahap yang saya kira begitu meruncing, kerana perkara itu telahpun berpuluh-puluh tahun diperjuangkan oleh masyarakat di kawasan pilihanraya. Dan berkaitan dengan perkara ini, saya mintalah Kementerian yang berkenaan supaya membuat suatu pertimbangan agar ianya dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali ingin saya menyatakan perasaan kesal

atas ucapan wakil dari Kepong sebentar tadi yang telah dengan angkoahnya cuba mempertikaikan kemampuan dan keupayaan Suruhanjaya Pilihanraya dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dalam membuat penentuan kawasan-kawasan pilihanraya. Saya kira pendapat wakil dari Kepong itu adalah terlalu cetek di mana beliau hanya mempertikaikan faktor-faktor kependudukan tanpa membuat perhitungan mengenai faktor demography atau keluasan sesuatu kawasan itu. Untuk ini saya ingin menasihatkan kepada wakil dari Kepong itu supaya kalau beliau hendak menjadi wakil rakyat bagi kawasan Tenggara bukan sahaja saya mahu Ahli Yang Berhormat itu pandai berpidato dan pandai memutar belitkan kenyataan tetapi Ahli Yang Berhormat tersebut harus juga pandai berenang sebagai persediaan menghadapi kemungkinan-kemungkinan buruk apabila menemui pengundi-pengundi yang tinggal sejauh 77 kilometer di pulau-pulau yang terletak di Laut China Selatan. Di samping itu dinasihatkan juga kepada Ahli Yang Berhormat tersebut harus pula pandai memanjat pokok untuk menghadapi kemungkinan-kemungkinan diserang oleh sang harimau bagi menemui pengundi-pengundi yang tinggal sejauh 59 kilometer di tengah-tengah hutan belantara. Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Rajang.

5.07 ptg.

Tuan Justine anak Jinggut (Ulu Rajang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi pertama kali dalam Dewan yang mulia ini bagi menyokong atas Ucapan Terima Kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada Mesyuarat Pertama Penggal Pertama, Parlimen Keenam

pada 11hb Oktober. Di Dewan yang mulai ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum tahu, saya mewakili Ulu Rajang iaitu kawasan pendalaman yang paling dalam dari segala kawasan pendalaman di Malaysia. Suatu kawasan yang paling terpencil dari segala kawasan terpencil di mana jalan untuk perhubungan ialah untuk pembalok-pembalok sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kami penduduk-penduduk kawasan pendalaman ini dengan sepenuhnya menyokong Barisan Nasional dan mempunyai keyakinan penghormatan dan sanjungan tinggi terhadap kepimpinan dan pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan semua anggota-anggota Kabinetnya. Kiranya tidak menjadi minat saya untuk bercakap bagi pihak penduduk-penduduk yang sempit dan miskin hidupnya dan keinginan saya untuk mewakili kawasan yang mundur dan perlahan membangun sudah tentu saya tidak akan menceburkan diri dalam bidang politik dan berada sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini.

Dalam menyokong Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya suka menyuarakan agar semua ahli-ahli politik bekerja untuk rakyat tanpa prejudis dalam apa-apa bentuk sekali pun, mahu pun dalam keturunan, ugama dan tradisi. Kita hendaklah bertindak dengan jujur dan ikhlas kepada semua rakyat dalam semua bidang untuk mengelakkan sebarang perkara seperti yang berlaku di Lebanon.

Tuan Yang di-Pertua, kami penduduk-penduduk Ulu Rajang adalah keturunan pahlawan dan

pemburu yang memotong kepala (head hunters), mengutuk dan bencikan pembunuhan orang-orang yang tidak bersalah dan kita mestilah memastikan keadaan seperti itu tidak memberatkan Malaysia atau ke kawasan yang terpencil di Sarawak yang mana hanya timbul oleh kerana perselisihan politik, sosial dan ugama.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Yang Amat Berhormat Ketua Menteri terhadap kenyataan bahawa setengah saudagar yang kaya yang tamak yang telah mendapat kekayaan dari sumber-sumber alam di Sarawak yang membazirkan dan memboroskan wang mereka di luar negeri. Mereka itu cuma berminat membuat kekayaan di tempat lain iaitu di luar negeri tanpa mengeluarkan titik peluh. Kekayaan yang mudah diperolehi seperti ini telah menunjukkan sedikit benar penghargaan atau terima kasih mereka terhadap kehilangan sumber-sumber dan keperluan untuk menentukan supaya kekayaan demikian dilaburkan semula dalam jangka panjang kepada mereka yang telah menafikan kekayaan dari kawasan mana ia diperolehi.

Ingatan untuk menjamin supaya keuntungan dari sumber-sumber alam semula jadi adalah tidak harapan langsung kepada Ulu Rajang. Mereka yang memperoleh keuntungan yang banyak dari sumber-sumber alam semula jadi ini adalah segelintir mereka yang terpilih sahaja dan kuncukuncunya. Mereka ini adalah sebenarnya orang-orang asing di kawasan ini. Penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan sumber alam semula jadi ini adalah cuma menjadi pemerhati sahaja yang merasa keciwa dan marah yang tidak batasnya.

Sekiranya perkara ini dibiarkan berlarutan Kerajaan Barisan Nasional akan dipersalahkan oleh rakyat manakala yang sebenarnya keputusan telah dibuat oleh bilangan mereka yang

kecil bagi faedah mereka yang sedikit bilangannya juga. Bagaimanapun sebagai penghargaan kerana menjadi pemerhati yang baik dan taat, Kerajaan cuma memberi mereka projek-projek kecil luar bandar seperti atap zink atau jentera bot untuk tandas mereka. Pengeluaran lesen sumber alam pada golongan yang terpilih atau pertubuhan di bawah Dasar Ekonomi Baru yang dilaungkan itu telah tidak menguntungkan kebanyakan majoriti rakyat bumiputra di Ulu Rajang.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan rendah diri memohon pertimbangan bagi sewajarnya supaya diberi kepada projek-projek pembangunan yang sebenar bagi kawasan Ulu Rajang ini dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat (Mid-term Review of Fourth Malaysia Plan). Keperluan untuk membahagi-bahagikan kekayaan yang tidak seimbang dengan jelas menunjukkan bahawa kekurangan makan adalah paling teruk di kawasan luar bandar. Perkara kurang makanan yang diketahui secara menyeluruh bagi yang sederhana dan yang teruk adalah 25.8% mengikut laporan Jabatan Kesihatan Sarawak. Bagaimanapun lain-lain kajian yang dibuat berkaitan dengan 'pilot applied food and nutrition programme' menunjukkan kadar ini setinggi 81% di setengah-setengah kawasan. Dalam analisa yang dijalankan oleh berbagai kemudahan perubatan di Sarawak, kadar kekurangan makan adalah di antara 8.4% di kawasan bandar dan 81.1% di kawasan luar bandar. Ini mencerminkan perkembangan sosio ekonomi yang kurang sihat yang tidak sama rata di kawasan-kawasan ini. Saya dengan rendah diri menyarankan supaya kekayaan yang terkumpul dengan mudah dapat dilaburkan dengan memberi separuh darinya kepada sebuah badan yang boleh menguruskan masalah kurang makanan negeri ini dan bukan kepada badan-badan lain yang mempunyai

kepentingan bagi sebahagian atau kumpulan sahaja. Adalah menjadi harapan supaya pihak yang berkuasa yang berkenaan akan mengkaji perkara ini dengan seriusnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kluang.

5.13 ptg.

Tuan Quah Wee Liam (Kluang):

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Usul Terima Kasih ke atas Titah Di Raja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda yang di-Pertuan Agong semasa berangkat mencemarkan Duli untuk merasmikan Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama Parlimen Keenam.

Sebagaimana dimaklumkan, negara kita telah mencapai kemajuan pesat sejak kemerdekaan suku abad lalu. Pencapaian ini berkat kestabilan politik dan sumbangan dari seluruh rakyat yang berbilang kaum di samping pengorbanan mereka. Tidak dapat dinafikan bahawa kemajuan sesebuah negara banyak bergantung kepada perpaduan rakyat.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Di Rajanya telah dengan tetapnya menitahkan bahawa sesuatu krisis yang dihadapi sebenarnya adalah satu ujian. Hanyalah melalui krisis maka kita dapat melahirkan rakyat yang terbaik dan sempurna dan hanyalah melalui krisis dapat kita menunjukkan ketabahan rakyat kita.

Malaysia adalah sebuah negara berbagai kaum yang mempunyai kebudayaan dan ugama yang berlainan. Berlainan inilah yang menjadi kekuatan kita sekiranya kita dapat mempergunakannya dengan bijaksana tanpa perbezaan bangsa, ugama dan pangkat. Masa telah tiba bagi kita mempersatukan rakyat tanpa mengira perbedaannya. Kita semua dalam satu kapal, takdir kita saling

kelihatan. Oleh itu, masalah yang dihadapi sekarang oleh setiap masyarakat Malaysia mesti diatasi mengikut satu kaedah. Tidak harus wujud sikap acuh tak acuh dan menghadapi masalah secara berasingan mengikut golongan. Kaedah atau sikap ini kurang sihat dan tidak akan membawa faedah atau manfaat untuk membina sebuah masyarakat bersatu yang dihasratkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya untuk mengatasi masalah yang dihadapi selama ini diakibatkan oleh berlainan masyarakat sekiranya kita semua bersedia sedaya upaya untuk mengatasinya. Kita mesti dengan sikap bersungguh-sungguh mencari jalan bagi membinakan sebuah negara yang kukuh, stabil dan aman sentosa. Kita mesti berani ciri-ciri keistimewaan masyarakat yang berbagai kaum ini. Kita mesti sanggup menghadapi kenyataan dan kita mesti berusaha menyatupadukan rakyat berlainan kaum untuk menjadi satu tenaga penggerak dalam segala aktiviti negara. Kita tidak boleh terkongkong dalam cara tindakan dan pemikiran. Pembina sebuah masyarakat berbilang kaum untuk menjadi sebuah negara yang kukuh memerlukan bertolak ansur, bersefahaman dan juga memahami asas kebimbangan berbagai kaum. Kita tidak boleh bersikap 'dogmatic' kerana ini akan menimbulkan kekeliruan dan syak wasangka yang berlarutan. Para pemimpin memainkan peranan penting dalam menyedarkan rakyat jelata mengenai sikap ini. Rakyat harus dipertunjukkan dengan contoh-contoh yang nyata bahawa mereka tidak terancam oleh letusan-letusan emosi. Mereka harus disedarkan bahawa Malaysia adalah sebuah negara berbilang kaum dengan tidak adalah satu kaum lain mempersoalkan ketaat setiaan dan kejujuran pada kaum yang lain. Sekiranya kita membiarkan keadaan ini berlaku maka kitalah yang patut dipersalahkan kerana kita yang

mempergolongkan rakyat jelata dan membina pagar untuk memperbedakan mereka. Keadaan ini bukanlah diingini kita kerana ia boleh membahayakan pembinaan negara ini. Kita mesti berusaha untuk meruntuhkan pagar-pagar ini dan jangan selalu menimbulkan perbezaan kaum.

Tuan Yang di-Pertua, kebimbangan dan syak wasangka kebanyakannya timbul kerana salah faham secara tidak sedar diperbesar-besarkan hingga timbulnya kebimbangan, kegelisahan dan kekeliruan. Oleh itu, amatlah perlu diadakan satu tindakan yang lebih rasional. Malaysia akan menjadi negara yang lebih baik dan sempurna sekiranya seluruh rakyat dan pemimpin kita yang menyediakan kepimpinan kepada kita yang sanggup bertindak dan menjalankan tanggungjawab tanpa menyentuh perkara-perkara yang sensitif.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat membentuk seseorang atau sesebuah masyarakat yang sempurna. Ini adalah mustahil sama sekali. Apa yang dapat kita perlakukan ialah membina sebuah masyarakat dan seseorang rakyat yang lebih baik. Kita boleh dianggap telah berjaya sekiranya dapat mencapai kedua-dua matlamat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sentiasa berikhtiar dalam segala aspek yang baik terhadap rakyat kita. Saya percaya dan yakin ini adalah tindakan yang positif. Adalah menjadi pemikiran yang positif bahawa kita sentiasa mahu mencapai sesuatu kejayaan. Saya juga percaya, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kebanyakan masalah yang dihadapi oleh negara sekarang boleh diatasi dengan baik dengan wujudnya ketaatsetiaan dan kejujuran, kemahuan dan keazaman ketika menghadapi sesuatu krisis seluruh rakyat kita tanpa mengira keturunan kaum mestilah sentiasa bersatu-padu.

Malaysia sebuah negara yang kecil tetapi kaya dengan sumber-sumber semula jadi. Malaysia mempunyai tempat yang cukup untuk menampung setiap rakyatnya. Apa yang diperlukan ialah memandang jauh dan keupayaan untuk mempergunakan sumber-sumber semula jadi ini dengan penuh keyakinan, sekiranya kita bertindak dengan penuh keazaman, Tuan Yang di-Pertua. Kita mesti tekad dan berani untuk mengkaji dasar-dasar ekonomi dan perubahan-perubahannya sekiranya kita menganggap perlu untuk mewujudkan keyakinan untuk menarik lebih baik pelaburan dan mempertingkatkan daya pengeluaran atau produktiviti tanpa membazirkan sumber-sumber kita. Marilah kita menghadapi segala cabaran dengan berani, bekerjasama dan berganding bahu tanpa mengira keturunan bangsanya. Dengan demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya yakin kejayaan akan tercapai pada akhirnya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengundi-pengundi saya yang telah memberikan mandat kepada saya menyuarakan masalah-masalah dan kesulitan-kesulitan mereka. Oleh yang demikian, saya merayu kepada rakan-rakan saya iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang hadir sekalian untuk memberi kerjasama dan pertolongan kepada saya supaya saya dapat menjalankan tugas dan kewajipan saya dengan licin dan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya difahami, Kerajaan sudah menambahkan angka pelajar-pelajar dalam bidang perubatan di universiti, memodenkan peralatan medical dan juga banyak rancangan untuk membina hospital dan klinik di seluruh negara. Walaupun dengan adanya pembaharuan demikian telah timbul pula kekurangan doktor-doktor pakar dan kekurangan peralatan perubatan di merata hospital dalam negara ini. Satu misalnya yang jelas saya ingin

tunjukkan ialah di kawasan saya, Keluang. Baru-baru ini ada 3 orang doktor dari Hospital Keluang sudah meletakkan jawatan mereka dan doktor-doktor yang digantikan masih tidak mencukupi untuk perkhidmatan kepada pesakit-pesakit yang begitu ramai.

Selain daripada itu, Hospital Keluang ini juga tidak ada seorang surgeon. Oleh kerana kekurangan doktor yang tersebut tadi dan juga kekurangan peralatan perubatan dan lain-lain kemudahan asas, ramai pesakit di hospital Keluang di hantar ke Johor Bharu atau Melaka lebih kurang 60-90 batu jauhnya untuk dirawat. Perkara yang saya sebutkan tadi memanglah juga berlaku di tempat-tempat yang lain. Dengan adanya masalah-masalah kekurangan doktor dan sebagainya dalam negara ini, saya berharap Kerajaan kita mengambil tindakan segera untuk mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin menyentuh ialah mengenai kewarganegaraan di negara kita. Kelulusan sesuatu permohonan kewarganegaraan itu bersandar atas kuasa Kerajaan. Kerajaan adalah mempunyai kuasa penuh untuk meluluskan permohonan kewarganegaraan seseorang, sekiranya Kerajaan berpuas hati bahawa si pemohon membuktikan kesetiaan kepada Raja, Kerajaan dan Negara, pada pemohon-pemohon yang sudah memenuhi syarat-syarat yang tersebut sepatutnya diberikan perhatian dan simpati oleh Kerajaan kita. Di sini saya ingin menarik perhatian Yang Amat Berhormat Menteri yang berkenaan iaitu banyak pemohon-pemohon kewarganegaraan sudah bertahun-tahun menunggu kelulusan kewarganegaraan mereka dan kebanyakan pemohon-pemohon yang tersebut sudah menunjukkan kesetiaan dan mengikut undang-undang negara kita. Mereka itu haruslah mendapati kewarganegaraan. Dengan demikian, saya merayu kepada Yang Amat

Berhormat Menteri berkenaan dengan jasa baiknya mempertimbangkan keskes yang tersebut dengan simpatinya.

Saya berharap Kerajaan kita boleh mengadakan langkah-langkah yang sesuai dan dapat mempertimbangkan permohonan-permohonan mereka dengan sewajarnya dan mempercepatkan proses dalam permohonan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, kami selalu dapat lihat banyak penagih-penagih dadah yang bercampur dengan orang ramai di mana-mana sahaja. Ini adalah satu masalah yang terlalu teruk kita menghadapi hari ini iaitu ketagihan dadah itu. Ancaman ini ialah seperti penyakit kanser yang merosakkan masyarakat kita dan juga menjadi satu ancaman kepada kemajuan, kebijaksanaan dan keselamatan kepada negara kita, oleh sebab itu, ia memburukkan jasmani dan rohani generasi muda kita, khasnya merebak kepada sekolah-sekolah yang memang akan mengakibatkan pelajaran pelajar-pelajar yang berkenaan itu. Kita mesti mengambil langkah-langkah yang tegas supaya melindungi generasi muda kita. Dengan demikian, saya menyokong sepenuhnya langkah Kerajaan supaya mengadakan latihan tentera kepada semua penagih-penagih dadah itu.

Saya juga ingin menyeru Kementerian berkenaan supaya membina lebih banyak pusat-pusat pemulihan agar menjamin bahawa semua penagih-penagih dadah dapat disembuhkan sebelum mereka dibebaskan. Jika perlu, mereka patut diberi satu masa percubaan setelah dibebaskan supaya menjamin bahawa mereka telah disembuhkan sepenuhnya. Bila penagih-penagih dadah berada di dalam pusat itu, saya bercadang bahawa Kementerian berkenaan memberi mereka latihan pekerjaan dan menolong mereka mencari kerja, bila mereka dibebaskan agar mereka akan menjadi warganegara yang berguna.

Sebelum saya berundur diri saya juga mengambil kesempatan* ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengeluarkan masalah-masalah dan pendapat dihadapi oleh saya sepanjang masa ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.30 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, dekad 80an adalah satu dekad yang penuh cabaran kepada negara Malaysia.

Sebagai Wakil Rakyat yang diamanahkan oleh rakyat untuk mencari jalan penyelesaian kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh negara adalah juga menjadi tugas utama kita untuk menumpukan perhatian ke atas masalah-masalah rakyat membincangkannya pula secara bebas dan ikhlas dan kemudian mencari jalan penyelesaian yang sesuai.

Saya menganggap bahawa perpaduan nasional dan proses mewujudkan sebuah negara pelbagai kaum yang sebenar sebagai cabaran politik yang dihadapi oleh Kerajaan Barisan Nasional dalam tahun 80an. Sama ada Kerajaan akan berupaya mencapai matlamat politik yang murni ini atau tidak akan bergantung di atas dasar-dasar pembinaan negara yang dirangkanya dan sama ada pentadbiran 2M berupaya menyediakan asas yang sempurna adil dan saksama untuk pembinaan negara. Kita semua mestilah mengakui bahawa walaupun kita telah mencapai kemerdekaan sejak 25 tahun ini, tetapi Kerajaan masih belum meletakkan asas-asas yang kukuh untuk pembinaan sebuah negara Malaysia yang benar-benar bersatupadu yang mana setiap orang rakyatnya tanpa mengira asal keturunan sama-sama mengecapi

kemakmuran dan keselesaan tinggal di negara ini. Apabila membincangkan perkara meletakkan asas-asas yang kukuh dan kuat bagi pembinaan sebuah negara, kita hendaklah meletakkan prospektif kita dengan baik dan mengeneipkan semua tekanan dan permintaan yang extremist dan berbau perkauman dalam rangka atau asas pembinaan negara itu.

Sebagaimana Seri Paduka Baginda ada menegaskan kita semua mestilah menyedari bahawa sikap kesederhanaan, amalan toleransi, persefahaman dan kerjasama hendaklah menjadi tunjang keteguhan dan ketahanan kita

Dengan berpandangan ini adalah sangat bahaya dan tidak boleh diterima untuk bercakap atau menyuarakan mengenai pembinaan sebuah Malaysia yang diasaskan pada dasar-dasar yang tidak mencerminkan komposisi pelbagai kaum di negara kita.

Saya selalu menyuarakan bahawa oleh kerana Malaysia ialah sebuah negara pelbagai kaum, pelbagai kebudayaan dan ugama strategi yang sebaiknya untuk menyatupadukan pelbagai kaum ialah untuk mengamalkan dan melaksanakan dasar-dasar yang bercorak pelbagai kaum yang mana akan menjamin aspirasi sebenar semua rakyat di Malaysia. Untuk membina sebuah negara Malaysia yang benar-benar bersatupadu, apa yang diperlukan ialah keazaman politik, pentadbiran bertindak tegas menghentikan semua bentuk permintaan extremist dalam negara pelbagai kaum kita, di samping memperkenalkan langkah dan dasar yang akan dipelihara dan menjunjung kepentingan dan aspirasi semua rakyat Malaysia.

Tuan Speaker, miskipun Kerajaan sering bercakap tentang amalan tradisi dan persefahaman dalam pendekatannya ke arah masalah-masalah negara, tetapi dalam

tindakannya ke atas beberapa masalah yang melibatkan kepentingan kaum terbukti sebaliknya. Satu perkara yang saya ingin bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini ialah berhubung dengan amalan sesuatu kebudayaan dan tradisi dalam negara pelbagai kaum ini. Adalah menjadi pandangan saya bahawa pelbagai kaum yang tinggal dalam negara kita ini hendaklah dibenarkan secara bebas mengamalkan kebudayaan dan tradisi kehidupan masing-masing. Apabila kita bercakap mengenai sesuatu kebudayaan, maka ianya seharusnya satu kebudayaan Malaysia dan kebudayaan Malaysia hendaklah dikandungi oleh pelbagai unsur kebudayaan dan perwatakan atau keperibadian semua kaum yang berbeza di negara kita. Apa yang hendak saya kesalkan dengan tegas dalam Dewan ini ialah bukan hanya kebudayaan tradisi Cina iaitu tarian singa sahaja gagal sehingga hari ini untuk mendapat pengiktirafan sebagai sebahagian kebudayaan Malaysia, tetapi apa yang lebih buruk lagi ialah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri baru-baru ini telah mengambil satu pendirian yang tidak demokratik dan tidak bertoleransi terhadap pertunjukan tarian singa di tempat-tempat awam dengan mengenakan sekatan ke atas tarian singa apabila Kementerian memerintahkan supaya kebenaran Polis tidak akan dikeluarkan lagi kecuali ketika menyambut Tahun Baru Cina dan di upacara menyambut pemimpin-pemimpin Kerajaan seperti Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan lain-lain anggota Kabinet. Perintah ini berkuatkuasa mulai 1hb Oktober dan telah disebarkan kepada semua Balai Polis daerah. Perintah ini hendaklah ditentang keras kerana ianya boleh mengancam secara serius kebebasan mengamalkan sesuatu kebudayaan tradisi dan adat resam.

Pada masa lalu sehinggalah sekarang adalah satu perkara biasa apabila kita melihat orang Cina mengadakan

pertunjukan tarian singa di pelbagai upacara tradisi seperti upacara merasmikan pembukaan sebuah perniagaan, memberi semangat atau tahniah kepada rumah baru, perayaan tokong Cina atau mengalu-alukan kedatangan tetamu kehormat di pelbagai majlis sosial. Pada masa lalu notis dua minggu diperlukan oleh Polis untuk memproses permohonan kebenaran, tetapi perintah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang bermula pada 1hb Oktober itu pada hakikatnya bermakna mengenakan pengharaman ke atas semua upacara pertunjukkan awam yang dipersembahkan oleh Persatuan Tarian Singa kecuali dua upacara yang saya sebutkan tadi. Saya terperanjat apabila mengetahui adanya perintah yang dikeluarkan oleh Kementerian yang mana pada pandangan saya tidak demokratik bertentangan dengan prinsip kebebasan mengamalkan sesuatu kebudayaan dan adat tradisi dan juga menyekat hak asasi seseorang rakyat. Pada 15hb Oktober lalu akhbar-akhbar tempatan ada menyiarkan satu kenyataan daripada MCA yang menyebut bahawa Presiden MCA telah mendapat jaminan daripada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bahawa tidak terdapat pengharaman dan sekatan ke atas pertunjukan tarian singa oleh Badan-badan Persatuan Tarian Singa dan bahawa perintah 1hb Oktober itu adalah dianggap sebagai terbatal dan perlu diperbetulkan, akan tetapi meskipun terdapat kenyataan jaminan daripada MCA kepada masyarakat Cina, pihak Polis masih menyekat pertunjukan tarian singa.

Pada malam 16hb Oktober Institut Kebudayaan dan Latihan Jasmani 'Cheng Keong' menyambut ulangtahun keempat persatuannya bertempat di Leng Kee Restoran, Kuala Lumpur telah diberitahu oleh Polis supaya jangan mengadakan pertunjukan tarian singa berikutan pemerintah Kementerian Hal Ehwal

Dalam Negeri. Pada malam 17hb Oktober pula sekali lagi Polis berkejar ke Dewan Perhimpunan Cina dan memberitahu ahli-ahli Persatuan Heng Han yang menyambut ulangtahun Persatuan supaya jangan mengadakan pertunjukan tarian singa.

Tuan Yang di-Pertua, pada malam yang sama Persatuan Tarian Singa Selangor dan Wilayah Persekutuan telah mengadakan mesyuarat tergepar untuk mendengar pelbagai pengaduan dari ahli-ahli mengenai kesusahan yang mereka hadapi apabila mengadakan pertunjukan tarian singa. Sekatan yang berterusan ke atas pertunjukan awam oleh Persatuan Tarian Singa sehingga saat ini telah menimbulkan kebimbangan dan tandatanya yang serius di atas kebenaran kenyataan umum MCA itu berhubung jaminan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kepada Presiden MCA bahawa perintah Kementerian mengenai sekatan ke atas tarian singa telah diperbetulkan. Jika jaminan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan itu benar, kenapa sehingga sekarang perkara ini belum disampaikan kepada pihak Polis yang melaksanakan undang-undang dan semua Persatuan adalah diberitahu bahawa mereka tidak boleh mengadakan pertunjukan tarian singa.

Oleh yang demikian, saya suka menggesa Yang Berhormat Menteri atau Timbalannya supaya memberi penjelasan dalam Dewan yang mulia ini berhubung dengan kedudukan sebenar perintah Kementerian itu untuk menyekat pertunjukan tarian singa. Kenyataan yang sedemikian hendaklah dikeluarkan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri atau Kementeriannya dan bukan oleh pihak orang ketiga. Pada pandangan saya perintah ini pada keseluruhannya tidak adil dan tidak demokratik dan hendaklah ditarik balik. Kerajaan hendaklah membuktikan bahawa ianya bersikap toleransi dan liberal mengenai hal kebudayaan dan adat tradisi sebuah

kaum dalam negara ini. Sebaliknya daripada dikenakan sekatan lanjutan ke atas tarian singa, Kerajaan hendaklah meletakkan kebudayaan tradisi Cina ini pada tempatnya yang betul dan dalam konsep kebudayaan Malaysia dan diiktiraf dan dijadikan sebagai sebahagian kebudayaan Malaysia. Saya juga suka mencadangkan bahawa tarian singa hendaklah dimasukkan menjadi salah satu acara persembahan dalam sambutan Hari Kebangsaan Malaysia untuk mencerminkan bahawa Malaysia ialah sebuah negara pelbagai kaum.

Satu lagi contoh intoleransi atau tidak toleransi Kerajaan ialah apa yang tergambar dalam kenyataan umum Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini yang mempersoalkan ketaat setiaan keturunan Cina Malaysia yang berhijrah ke negara asing dan yang mengkritik Kerajaan. Dalam ucapannya, Timbalan Perdana Menteri telah juga mempersoalkan kesetiaan orang-orang Cina Malaysia yang berterusan menentang dasar Kerajaan termasuk sistem pentadbiran dan perundangannya.

Izinkan saya menjelaskan di sini bahawa saya tidak bermaksud membela mereka yang dipercayai berhijrah keluar kerana saya rasa bahawa dengan bertindak demikian mereka tidak berbuat apa-apa atau tidak memberi apa jua sumbangan untuk menyelesaikan masalah-masalah negara kita tetapi pada masa yang sama kita tidak boleh mengenyepikan hakikat bahawa mereka yang berhijrah keluar kerana dasar-dasar Kerajaan yang mereka tidak dapat terima terutamanya berhubung dengan Dasar Pelajaran. Untuk mereka yang berhijrah keluar untuk mendapatkan peluang-peluang pelajaran yang lebih baik untuk anak-anak mereka saya rasa adalah tidak betul bagi Kerajaan mempersoalkan kesetiaan mereka kepada Malaysia dan malahan hingga ke peringkat menarik balik kewarganegaraan mereka. Adalah

pandangan saya bahawa Kerajaan tidak seharusnya menunjukkan sikap tidak bertoleransi terhadap kritikan ke atas dasar dan sistemnya. Dalam sebuah negara yang beramalkan demokrasi berparlimen rakyat daripada berbagai kaum hendaklah dibenarkan menerusi saluran Perlembagaan memberi kritikan kepada dasar-dasar yang mereka rasa tidak adil dan diperbetul untuk kepentingan rakyat. Apa juga percubaan Kerajaan hari ini untuk mensifatkan kritikan ke atas dasar dan sistemnya serupa dengan durhaka kepada negara tidak bermakna kesetiaan kepada parti yang memerintah dan adalah penting perkara ini ditegaskan jika demokrasi berparlimen ingin dijadikan sebagai sesuatu yang bermakna untuk negara Malaysia.

Tuan Speaker, terdapat banyak perkara yang melibatkan dasar dan pentadbiran Kerajaan yang membangkitkan rasa keciwa dan putus asa rakyat. Salah satu masalah itu ialah permohonan kewarganegaraan. Sebagai Wakil Rakyat, saya telah menerima banyak aduan mengenai kelewatan Jabatan berkenaan memproses permohonan kewarganegaraan. Pemohon-pemohon yang lulus dalam ujian bahasa mereka dan yang memohon di bawah Borang E dan ada bukti yang menunjukkan mereka lahir di negara ini terpaksa menunggu sampai 5 tahun atau lebih tetapi sijil kewarganegaraan masih belum dikeluarkan lagi. Untuk mereka yang memohon di bawah Borang A ianya mengambil masa sampai 4 tahun untuk menunggu permohonan mereka diproses. Untuk mereka yang memohon di bawah Borang G pula kelewatan berlarutan hingga 7 ke 8 tahun dan pada setiap kali pertanyaan dibuat pemohon-pemohon akan diberitahu bahawa permohonan mereka berada di peringkat akhir.

Saya menggesa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya

mengambil langkah-langkah mengarahkan Jabatan Pendaftaran Negara supaya menyejajarkan proses permohonan kewarganegaraan dan mengeluarkan sijil kewarganegaraan kepada semua pemohon yang memegang Kad Pengenalan Merah yang telah memohon begitu lama. Dalam pada itu Yang Berhormat Menteri berkenaan hendaklah memastikan bahawa Bahagian Kewarganegaraan di dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan menyejajarkan proses permohonan di bawah Borang G selaras dengan dakwaan Kerajaan yang kerap didengar, iaitu Kerajaan yang cekap. Saya menggesa Kerajaan supaya jangan menggunakan pertimbangan politik dan keselamatan untuk memutuskan semua pemohon kewarganegaraan. Sesuatu permohonan hendaklah dipertimbangkan sebenarnya menurut merit sesuatu permohonan itu sendiri dan mereka yang lahir di negara ini hendaklah dikeluarkan sijil kewarganegaraan mereka memandangkan mereka tidak ada negara lain untuk tinggal kecuali menjadikan Malaysia negara tetap mereka.

Tuan Speaker, satu lagi aspek dasar Kerajaan dan perlaksanaannya yang menimbulkan kebimbangan rakyat ialah cara Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) melaksanakan projek pembaharuan bandarnya, terutamanya dalam Kuala Lumpur untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Kerajaan sering kali memberi jaminan kepada rakyat bahawa dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru tidak ada seorang rakyat dalam negara Malaysia akan mengalami atau merasai kehilangan atau diketepikan hak keistimewaan pekerjaan atau peluang tetapi malangnya ini bukanlah kes yang berhubung dengan cara UDA bertindak mengambil tanah secara wajib dalam Kuala Lumpur untuk kegiatan pembaharuan bandarnya bagi

menolong mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Saya ingin menekankan di sini bahawa saya tidak bermaksud untuk menentang usaha UDA untuk melaksanakan pembaharuan bandar tetapi perkara yang saya ingin jelaskan di sini ialah jika UDA hendak mendirikan bangunan-bangunan perdagangan yang moden dalam Bandaraya untuk menolong mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru maka ia boleh berbuat demikian dengan melaksanakan projek tersebut di atas tanah Kerajaan yang kosong tetapi bukan semestinya menceroob masuk ke dalam kawasan-kawasan perniagaan yang sedia wujud yang dengan kuasa-kuasa pengambilan semula tanah secara wajib. Melaksanakan projek pembaharuan bandar dengan mengorbankan kelompok perniagaan bukan bumiputra seperti cara mana mengambil balik tanah dan menghendaki mereka mengosongkan premis perniagaan mereka yang ada sekarang yang mana mereka bergantung hidup di situ, sesungguhnya itu bukanlah jalan atau cara Dasar Ekonomi Baru seharusnya dilaksanakan menerusi UDA. Walaupun bayaran pampasan diberi kepada mangsa-mangsa berkenaan tetapi ianya tidak menjadi apa-apa pertolongan untuk memulihkan semula kerugian teruk yang ditanggung oleh peniaga-peniaga yang mana mereka terpaksa memikulnya.

Terdapat banyak contoh di dalam Kuala Lumpur yang boleh menyokong maksud saya ini dan ini ialah mangsa-mangsa projek UDA di Jalan Silang, Lorong Sultan dan Projek Daya Bumi. Sebagai Wakil Rakyat Kuala Lumpur Bandar, saya ingin menyuarakan di sini dan menyampaikan rasa kebimbangan dan kekeciwaan yang serius dirasakan oleh kelompok-kelompok perniagaan yang sedia ada sekarang dalam Bandaraya di atas kegiatan pembaharuan bandar UDA yang terbukti menyimpang jauh daripada

Dasar Ekonomi Baru. Kerajaan hendaklah mengambil perhatian serius ini di atas kebimbangan orang ramai ini dan bertindak menjernihkan keadaan sebelum ianya bertambah teruk.

Tuan Speaker, dalam Titah Ucapan Diraja itu adalah juga menyentuh mengenai perlunya dipastikan keselamatan negara. Ancaman kepada keselamatan negara boleh jadi dalam berbagai bentuk tetapi kita terdapat satu aspek yang saya ingin sentuh dan diperkatakan adalah berhubung dengan ancaman kepada keselamatan negara yang berpunca daripada pendatang haram, terutamanya pendatang haram Indonesia dalam negara ini. Kemasukan pendatang haram dari Indonesia yang berterusan ke negara ini telah membangkitkan masalah sosio ekonomi yang serius dan terbukti mengancam keselamatan negara. Sejak pendatang haram ini berada di negara ini berbagai kegiatan jenayah yang dilakukan oleh mereka di tempat di mana mereka berada atau tinggal. Kejadian yang baru berlaku di Johor, Kuala Lumpur dan Pahang melibatkan rancangan FELDA selancar hendaklah dikutuk sekeras-kerasnya. Inilah masanya bagi Kerajaan mengambil perhatian dan pandangan yang serius ke atas aktiviti jenayah yang dilakukan oleh pendatang-pendatang haram itu dan mengambil tindakan segera dan berkesan untuk memeriksa rapi kemasukan pendatang haram Indonesia. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang bertugas terus kepada keselamatan negara hendaklah mengambil tindakan segera untuk mencegah apa juga kegiatan jenayah yang dilakukan oleh pendatang haram. Beliau hendaklah memeriksa rapi kemasukan mereka ke negara ini.

Yang akhirnya, Tuan Speaker, walaupun Malaysia pada masa ini menghadapi kemerosotan ekonomi dan terpaksa mengelak pembaziran perbelanjaan tetapi projek pembangunan yang memberi faedah

kepada rakyat, terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah dan golongan yang miskin dari semua kaum hendaklah dilaksanakan terus dan seharusnya diberikan keutamaan. Semua projek pembangunan hendaklah dikenal pasti dengan rapi lagi dan jika terdapat projek yang memerlukan perbelanjaan besar dan selagi ianya memberi faedah kepada rakyat dan menolong meningkatkan kesejahteraan hidup mereka, maka ini hendaklah digalakkan.

Dengan pandangan ini saya suka mencadangkan bahawa keutamaan hendaklah terus diberikan bagi memperuntukkan lebih banyak rumah kepada mereka yang tidak mempunyai rumah, memperuntukkan lebih sekolah, maktab dan universiti untuk pelajar-pelajar kita, menyediakan lebih banyak peluang perniagaan untuk penaja dan peniaga kecil dan kemudahan yang lebih baik untuk menolong golongan miskin dalam kampung-kampung, kampung baru, ladang yang bertujuan untuk mencapai satu taraf hidup yang lebih baik.

Dalam tempoh kemelesetan ekonomi sekarang Kerajaan hendaklah meneruskan perbelanjaan untuk membantu golongan miskin dari semua kaum kerana merekalah yang lebih merasai keperitan akibat kemelesetan ekonomi. Tindakan untuk menghentikan perbelanjaan untuk golongan tersebut akan lebih memburukkan keadaan untuk mereka.

Apabila bercakap mengenai bantuan kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah, sebagai Wakil Rakyat dari Kuala Lumpur Bandar, saya suka menggesa Kerajaan supaya menyediakan lebih banyak bantuan kewangan untuk mendirikan lebih banyak rumah kos rendah bagi menolong orang miskin dan setinggan, menyediakan lebih banyak tempat menjaja bagi penjaja-penjaja di samping menyediakan lebih banyak

kemudahan yang lain bagi menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandaraya yang kita semua dapat berbangga.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Beruas.

5.51 ptg.

Dato Michael Chen Wing Sum (Beruas): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Usul Terima Kasih atas Titah Diraja oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa berangkat mencemarkan Duli ke Dewan yang mulia ini untuk merasmikan Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama Parlimen Keenam.

Oleh kerana sikap pendekatan Kerajaan yang pragmatik dan pandangan jauh, maka seluruh negara telah melahirkan perasaan keyakinan yang sungguh jelas. Ini telah disahkan semasa keputusan pilihanraya umum baru-baru ini yang mendapat sokongan yang cemerlang dari rakyat. Kita sedar bahawa setengah-setengah Kerajaan adalah berkesan tetapi tidak begitu popular dan sebaliknya setengah-setengah Kerajaan begitu popular tetapi tidak begitu berkesan. Tetapi Kerajaan 2M nampaknya sungguh berkesan dan popular. Kita juga sungguh berasa gembira bahawa Kerajaan 2M walaupun telah mendapat sokongan yang gemilang dan kesannya yang sangat kuat telah wujud dan masih kekal dengan cara lemah lembut, bersopan santun dan sentiasa menerima pendapat orang ramai. Beberapa perubahan polisi dan beberapa cadangan pindaan kepada undang-undang yang bertentangan yang telah dibuat oleh Kerajaan 2M adalah sangat menggalakkan. 2M tidak percaya bahawa "Kerajaan tidak boleh membuat salah". 2M juga tidak percaya bahawa "Kerajaan sungguh agung dan lebih berkuasa". Sekarang rakyat lebih bersedia untuk memberi pandangan dan akhbar-akhbar juga sentiasa mempaparkan semua

keburukan dan kepincangan mengenai pentadbiran Kerajaan sama ada di peringkat Persekutuan dan Negeri yang mana akan menolong untuk memperbaiki taraf kecekapan dan melemahkan penyelewengan jentera Kerajaan dan juga badan bersendirian. Dengan semangat ini, saya ingin membuat beberapa ulasan mengenai dasar "Pandang ke Timur".

Pada asasnya saya menyokong penuh dasar ini. Rakyat kita mestilah diarah memandang ke mana-mana jua dan mempelajari daripada semua orang demi memperbaiki rakyat kita, jika negara kita ingin menjadi dinamik, berkemajuan dan dihormati. Hakikatnya bahawa negara Jepun juga sebuah negara yang miskin. Hanya selepas reformasi lebih kurang 100 tahun yang lampau, maka negara Jepun telah berubah dan terus dapat dipertingkatkan. Dalam tahun 1868, Maharaja Meiji Jepun telah menyatakan kepada rakyatnya: "Ilmu pengetahuan hendaklah diperolehi dari seluruh dunia supaya kebajikan negara dapat dipertingkatkan".

Hari ini negara Jepun telah menjadi paling maju, namun kehancuran yang hebat disebabkan semasa Peperangan Dunia Kedua telah dengan sendirinya dapat dibina semula dan telah menjadi kuasa ekonomi yang ketiga kuatnya di dunia. Rakyat Jepun keseluruhannya dianggap yang berdisiplin, cergas, dedikasi dan bekerjasama. Tetapi negara Jepun telah memperolehi ilmu pengetahuan teknologi dari Barat. Mereka masih memandang ke Barat mengenai teknologi.

Setelah mengetahui negara Jepun, etika rakyatnya dan cara mereka memperolehi ilmu pengetahuan teknologinya dari Barat, maka seseorang akan bertanya:

- (1) Sejauh manakah kita mesti belajar dari Timur?
- (2) Sejauh manakah kita mesti memberhentikan memandang ke Barat?

- (3) Apakah bentuk sebuah negara Malaysia yang kita kehendaki?

Kerajaan 2M, saya sungguh percaya telah mempunyai rancangan tindakan yang khusus sebelum dasar "Pandang ke Timur" telah dilancarkan. Rancangan tindakan itu mungkin dapat diketahui tidak berapa lama lagi. Tetapi pada peringkat ini berasaskan kepada faktor-faktor yang mana kita dapat membuat analisa dan lain-lain cara, saya benar-benar mencadangkan bahawa rakyat kita mestilah:

- (1) memperolehi mutu etika dari rakyat Jepun;
- (2) terus memperolehi ilmu pengetahuan teknologi dari Barat; dan
- (3) berpegang kuat kepada warisan kebudayaan dan kepercayaan agama kita yang bercorak identiti Malaysia.

Dengan ringkasnya kita mesti pandang ke Timur, pandang ke Barat dan di waktu yang sama mestilah kita pandang kepada diri kita sendiri.

Satu dasar baru telahpun dilancarkan. Rakyat dijangka mengikutinya, tetapi hasil dan kesannya mungkin tidak dapat dilihat sehingga beberapa tahun kemudiannya. Negara Jepun telah mengambil selama 100 tahun untuk membentuk apa yang wujud di hari ini. Kita mesti mengambil masa yang sama untuk mencapai tujuan-tujuan kita yang serupa. Rakyat kita mestilah cecal, mestilah pandang jauh dan mestilah sabar.

Dalam masalah pendatang haram, ianya telah menjadi suatu perkara yang serius semula. Malaysia adalah sebuah negara yang aman, kesejahteraan telah selalunya menjadi suatu tarikan kepada lain-lain negara untuk datang ke sini. Setengah-setengahnya datang melalui saluran yang sah di sisi Undang-undang dan setengah-setengahnya pula melalui saluran yang haram. Tiga hingga keempat tahun

yang lalu, kita telah menghadapi pendatang haram rakyat Vietnam yang membanjiri di sebelah pantai timur dan sekarang kita menghadapi pendatang haram rakyat Indonesia telah dijumpai di mana-mana jua. Untuk kepentingan rakyat kita sama ada jangka pendek atau jangka panjang, maka suatu langkah yang positif mestilah diambil untuk menyelesaikan masalah ini.

Sebagaimana suatu dasar kita mestilah tidak membenarkan pendatang haram. Jika kita kekurangan buruh, kita perlu mengimportkan setengah-setengah mereka untuk bekerja di sini. Maka saya cadangkan suatu dasar yang khusus dirancangan. Contohnya di Singapura, pekerja-pekerja dari Malaysia telah dibenarkan bekerja di sana tetapi hanya melalui cara yang betul dan saluran yang sah di sisi undang-undang. Mereka mesti mempunyai visa dan permit-permit kerja supaya mereka dapat dikawalkan. Mereka tidak menjadi suatu ancaman keselamatan kepada rakyat dan masyarakat kita.

Cara untuk tidak menggalakkan pendatang-pendatang haram, maka syarikat-syarikat atau majikan-majikan mestilah tidak dibenarkan untuk mengambil pekerja pendatang-pendatang itu.

Berhubung dengan permit-permit kerja untuk bukan warganegara Malaysia, saya sungguh sukacita bahawa Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang positif untuk mengecualikan perlunya permit kerja untuk penoreh-penoreh getah, kelapa sawit di ladang dan pekerja-pekerja binaan. Tetapi saya tidak faham mengapa hanya penoreh-penoreh getah, kelapa sawit dan pekerja-pekerja binaan sahaja dikecualikan. Pada hakikatnya permit kerja ini hendaklah dikenakan kepada semua bukan warganegara dan bukan sahaja kepada sebahagian mereka yang tertentu.

Saya mencadangkan pengecualian ini diberi kepada semua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Arau.

6.01 ptg.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh (Arau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Balik Pulau menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Kebawah Duli semasa pembukaan Penggal Pertama Parlimen Keenam. Titah Ucapan Kebawah Duli yang padat namun menyeluruh membawa perangsang dan keyakinan. Yang inilah arah sebenarnya kita bergerak mengikut mandat.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Kebawah Duli meletakkan lima asas landasan perjalanan negara kita seterusnya dan menetapkan tujuh langkah utama dalam pencapaian cita-cita murni kita bersama. Sebenarnya setelah suku abad kita berdiri sebagai satu negara yang berdaulat dan utuh tidak harus lagi dipersoalkan tentang asas-asas dan langkah-langkah yang menjamin kedaulatan dan keutuhan Malaysia yang tercinta. Tetapi masih juga ada yang bukan sahaja mempersoalkan malah mempertikaikan haluan yang telahpun ditentukan.

Memang kerja Pembangkang ialah untuk membangkang, tetapi janganlah asas-asas kenegaraan kita dipertikaikan. Sebagai orang-orang yang benar-benar mendokong prinsip dan amalan demokrasi berparlimen, kami dalam Barisan Nasional menerima segala persoalan dengan hati yang terbuka. Namun demikian, apabila setiap yang hakiki dipersoal dan dipertikaikan adalah menjadi kewajipan kami mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat dari barisan pembangkang khususnya, yang kuasa itu adalah hak Allah yang diberi

melalui tangan rakyat sebagai amanah dan rakyat telah dengan rela, dengan bijaksana dan tidak terputus-putus sejak tahun 1955, menyerahkan amanah ini kepada pendokong-pendokong falsafah politik Perikatan dan kemudiannya Barisan Nasional. Jangan dibiarkan permainan silap mata ilmu hisab memadamkan hakikat ini. Kononnya sistem pilihanraya tidak adil, kononnya bilangan pengundi antara kawasan tidak setimpal. Seperti mana sebilangan manusia sahaja tidak menjadi sesebuah negara kalau tidak ada tanahair, sebilangan rakyat sahaja tidak merupakan satu constituency, kalau tidak ada kawasan di atas muka bumi ini. Amanah rakyat tidak ada beza ringan beratnya biarpun sesuatu kawasan itu mempunyai 100,000 orang pengundi dan kawasan yang lain pula mempunyai 10,000 orang pengundi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ketua Pembangkang telah mempertikaikan, antara lain, cita-cita murni kita melahirkan satu warga, satu bahasa dan satu budaya. Kononnya, satu petikan dari ucapan Yang Berhormat Ketua Pembangkang dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kononnya "Malaysia tidak pernah difikirkan akan menjadi satu negara yang mempunyai satu bahasa dan satu budaya". Mungkin pihak DAP sahaja yang tidak pernah memikirkan demikian. Sudah suku Abad kita bergerak ke arah melahirkan satu warga, satu bahasa dan satu budaya dan nyata kita sedang membina dengan jayanya, alhamdulillah, satu negara yang utuh dan berdaulat. Apakah kita mahu undur pula, apakah kita mahu meruntuhkan mahligai yang separuh siap ini yang dalam binaan sejak 25 tahun dahulu?

Tuan Yang di-Pertua, menjunjung Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong supaya Wakil Rakyat menggunakan peluang dan kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk menunaikan amanah rakyat,

saya ingin, buat permulaan, mengemukakan satu rayuan tiga serampang:

Pertama, saya ingin merayu kepada perancang-perancang pembangunan dalam Kerajaan supaya lebih menitikberatkan unsur-unsur pertahanan negara dalam perancangan infrastruktur kawasan-kawasan sempadan.

Kedua, saya ingin merayu kepada Kementerian Kesihatan supaya digubal satu dasar yang jelas meletakkan tanggungjawab dan mengaturkan peranan sektor perubatan swasta dalam membantu Kerajaan memikul tanggungjawab memelihara dan mempertingkatkan kesihatan rakyat.

Ketiga, bagi menunaikan hasrat dan harapan sebilangan besar rakyat penanam padi khususnya di Perlis, saya merayu kepada Kementerian Pertanian supaya mengemukakan masalah penyakit padi merah kepada Kabinet sebagai satu bencana. Penyakit tumbuhan memang perkara biasa, tetapi penyakit tumbuhan yang menjejaskan kehidupan sebilangan besar rakyat, yang hasil daripada pengorbanan dan titik-peluh mereka kita dapat makan dan negara dapat banyak menjimatkan pertukaran wang asing, ini merupakan bencana. Adalah menjadi harapan saya semoga Kerajaan mempertimbangkan untuk meringankan beban yang dipikul oleh rakyat penanam padi ini.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pelabuhan Kelang.

6.10 ptg.

Tuan V. Govindaraj (Pelabuhan Kelang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong ucapan usul menjunjung kasih Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, dengan limpah kurnia dan keizinan Tuhan kita semua dapat berada di Dewan yang mulia ini pada Penggal Pertama, Parlimen Keenam.

Tuan Yang di-Pertua, setelah saya melihat dan mengkaji perdebatan serta percanggahan yang berlaku di Dewan yang mulia ini selama empat hari yang lalu, saya terpaksa menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua dan Timbalannya supaya lebih tegas dengan izin, in conducting the proceedings of the House. Saya terpaksa menyatakan dan menekankan soal ini demi untuk menjaga nama baik dan kepercayaan rakyat terhadap Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saudara-saudara Ahli-ahli Yang Berhormat jangan sekali-kali menjadikan Dewan ini sebagai medan peperangan dengan menggunakan kata-kata sebagai peluru untuk menyakitkan hati dan sanubari para Ahli-ahli lain kerana ini akan mencemarkan nama baik Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu insaf bahawa kekuatan kita selama ini adalah berasaskan kepada sikap kesederhanaan dan amalan tolenransi, serta Ahli-ahli Yang Berhormat harus memegang kepada polisi ini sebagai satu garis panduan semasa berucap di Dewan ini ataupun di luar Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai wakil Parlimen di pihak pembangkang, bebas atau di pihak pemerintah kita bersama-sama harus menyingkirkan bersama-sama perasaan perkauman. Sebagai wakil yang bertanggungjawab kita bersama-sama harus mengamalkan prinsip yang rasional dan realistik supaya setiap gerak geri kita dan langkah harus dihormati dan disegani oleh pihak masyarakat terhadap diri kita.

Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang dikatakan oleh Duli Yang Maha Mulia dalam Titah Ucapannya:

“Ahli-ahli Yang Berhormat memegang amanah dari rakyat untuk berada di Dewan yang mulia ini, gunakanlah peluang dan kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk mencari penyelesaian kepada masalah rakyat. Jadikanlah Dewan yang mulia ini sebagai tempat menghasilkan pemikiran baru untuk kebahagiaan rakyat. Jadikanlah Dewan ini sebagai tempat merumuskan keputusan untuk kesejahteraan rakyat.”

Tuan Yang di-Pertua, setelah mencapai kemerdekaan masyarakat Malaysia melalui suku abad pihak Kerajaan kita di bawah pentadbiran 2M seharusnya memegang kepada polisi yang lebih kolektif dari segi kemajuan masyarakat serta kemajuan negara. Dengan ini sahaja akan melahirkan satu bangsa, satu bahasa, satu warga dan satu budaya. Melalui tindakan ini akan melahirkan satu negara yang betul-betul yang dikatakan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah di atas dasar dan sistem pendekatan Kerajaan baru yang melibatkan pentadbiran berasaskan kepada prinsip bersih, cekap dan amanah di samping berpegang teguh kepada prinsip ini pihak Kerajaan 2M seharusnya membina suatu gelanggang berpaduan untuk rakyat Malaysia supaya ini akan menjadi nadi pembangunan negara Malaysia yang sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, bekas Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Tun Hussein Onn merupakan seorang pemimpin dan pejuang yang berusaha untuk membawa dan mengekalkan perpaduan melalui berbagai cara dan saluran. Perpaduan masyarakat Malaysia sahajalah yang akan menjadi kunci kejayaan dasar Kerajaan 2M.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan usaha-usaha Kerajaan untuk meninggikan syiar Islam kerana ia adalah agama rasmi negara ini. Berasaskan ini Kerajaan telah memeterikan supaya matapelajaran agama Islam diwajibkan untuk semua pelajar-pelajar Islam melalui rancangan 3M. Tetapi perkara yang amat menyedihkan lagi dan mendukacitakan ialah mata pelajaran akhlak yang diwajibkan kepada pelajar-pelajar bukan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang diketahui oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan Menteri Pelajaran agama merupakan teras kehidupan seorang manusia kerana ia merangkumi segala aspek kehidupan seorang manusia dari aspek politik, ekonomi, sosial, kebudayaan intelek, rohani, jasmani dan termasuk akhlak. Tetapi apa yang sungguh anih ialah pihak Kerajaan mewajibkan pelajaran akhlak kepada pelajar-pelajar bukan Islam melalui rancangan pelajaran 3M. Padahal matapelajaran akhlak hanya terdiri dari satu aspek dari berbagai-bagai aspek dalam kehidupan seseorang. Oleh yang demikian, saya merayu kepada pihak Kerajaan supaya memasukkan matapelajaran akhlak dan mewajibkan setiap pelajar mempelajari dan menyelami agama masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana kita menerima Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi negara, agama Islam sebagai agama rasmi negara, dan seperti itu pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan pihak Kementerian Penerangan harus berusaha dan berjuang untuk mewujudkan satu kebudayaan kebangsaan sebagai kebudayaan rasmi negara kita. Kebudayaan kebangsaan tersebut harus berteraskan kepada semua kebudayaan yang terdapat di tanahair kita.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Luar Negeri dan pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

seharusnya mengamalkan sikap kesederhanaan semasa menghadapi apa juga masalah dari segi politik, ekonomi dan sosial di peringkat antarabangsa mahupun dalam negara.

Sikap segelintir pemimpin dan masyarakat yang melibatkan diri secara direct or indirect dalam arus pergolakan politik antarabangsa dengan tujuan untuk memesongkan perhatian rakyat. Keadaan ini terbukti dengan tindak tanduk golongan ini yang menampalkan poster-poster di seluruh bandaraya Kuala Lumpur dengan kata-kaa seperti, dengan izin, "Boycott American goods"; "Profits from American goods are used to murder Palestinians".

Tuan Yang di-Pertua, keadaan dan tindak tanduk golongan ini akan menjejaskan perhubungan negara kita dengan dunia luar. Dengan ini saya merayu kepada pihak masyarakat, pihak pemimpin-pemimpin politik dan pemimpin-pemimpin pertubuhan sosial supaya mengecualikan diri mereka dan membenarkan pihak Kerajaan bertindak dalam dasar dan polisi hal ehwal luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, krisis merupakan satu ujian. Sebagai masyarakat yang matang krisis tersebut harus dihadapi serta diselesaikan secara simbolik.

Tuan Yang di-Pertua, iklim ekonomi dunia berada dalam keadaan meleset. Walau bagaimanapun, berasaskan kepada Rancangan Malaysia Keempat, pihak Kerajaan seharusnya berusaha untuk melahirkan satu suasana yang menyakinkan pelabur-pelabur tempatan untuk melabur secara luas.

Tuan Yang di-pertua, pihak Kerajaan harus membenters terhadap nadi ekonomi kita iaitu sektor perusahaan utama, pertanian dan penternakan. Di kedua-dua sektor tersebut pihak Kerajaan harus

merekabentukkan rancangan-rancangan yang betul-betul memberi manfaat kepada rakyat. Di kedua-dua sektor partisipasi orang ramai dari semua kaum harus digalakkan. Dengan ini pihak Kerajaan seharusnya mengubah kedudukan kini di mana sektor pekerjaan mengidentitikan sesuatu kaum.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan dengan Kementerian-kementerian dan agensi-agensi Kerajaan seharusnya menerangkan dan menyerapkan semua polisi-polisi rancangan-rancangan dan semua undang-undang yang dikuatkuasakan dari masa ke semasa kepada pengetahuan dan perhatian rakyat dengan keadaan dan bentuk yang sebenar. Perkara yang benar harus dibenarkan supaya masyarakat mengetahuinya. Pihak Kerajaan tidak seharusnya mencurigai sesuatu kaum, tindakan ini akan melemahkan konsep perpaduan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat supaya mengkaji Rang Undang-undang Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1974 demi kepentingan masyarakat. Ini disebabkan laporan tahunan PERKSEO 1979 tidak memadai kehendak masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan seharusnya menumpukan perhatian terhadap pembangunan infrastruktur dari peringkat desa, daerah, negeri dan akhirnya kepada negara. Kerajaan juga seharusnya memberikan perhatian kepada mutu perkhidmatan, pengangkutan awam. Taraf perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu seharusnya diperbaiki.

Dari segi kebajikan Kerajaan seharusnya menyediakan beberapa rancangan baharu yang manfaat kepada rakyat. Kerajaan seharusnya menggalak dan membantu

pertubuhan-pertubuhan yang menjalankan kegiatan-kegiatan kemasyarakatan.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua tindak tanduk Kerajaan seharusnya bermotivasi untuk membina kehidupan sebuah negara yang sempurna dengan rakyat yang kreatif serta tinggi keimanan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong penuh usul ini yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari kawasan Balik Pulau.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ipoh.

6.24 ptg.

Tuan Peter Chin Gan Oon (Ipoh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penuh Titah Ucapan Di Raja. Saya sebagai Ahli Parlimen Ipoh ingin juga mengambil kesempatan menyertai dalam usul Ucapan Terima Kasih di atas Titah Ucapan Pembukaan Rasmi Penggal Yang Pertama, Majlis Palimen Yang Keenam.

Sebentar tadi saya dengar Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menyebutkan satu senarai perkara-perkara yang akan memberi faedah kepada penduduk-penduduk Kepayang dalam kawasan saya, Ipoh. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada beliau, kerana beliau telah bersusah payah memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa saya telah bekerja benar-benar kuat untuk membawa faedah kepada rakyat di kawasan saya sejak pilihanraya April yang lalu (*Tepuk*). Faedah-faedah yang disebutkan langsung tidak ada kaitan dengan pilihanraya kecil Kepayang. Ini menunjukkan dengan jelas bahawa cuma Barisan Nasional boleh membawa pembangunan dan faedah kepada rakyat. Pihak DAP cuma boleh membising sahaja (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang telah dibangkitkan dalam Titah

Ucapan Di Raja. Saya merujuk khususnya kepada kemerosotan ekonomi sedunia yang telah dihumban ke dalam negara kita, sebagaimana ditunjukkan di dalam Titah Ucapan Baginda. Dalam hal ini saya dapat melihat Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah mengambil langkah-langkah untuk mencegah kemerosotan atau resesi di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian kerana melancarkan Jawatankuasa Penasihat Perusahaan baharu ini untuk menjadi sebagai satu forum untuk perundingan dengan sektor swasta atas Akta Penyelarasan Perusahaan. Bagaimanapun pihak Kementerian telah mengambil masa yang panjang untuk menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Perusahaan ini yang mana peraturan-peraturan telah dibuat dalam Akta Penyelarasan Perusahaan dipinda pada tahun 1979 bagi penubuhan Jawatankuasa itu. Saya faham sebab kelewatan ini yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri adalah disebabkan kepada kesusahan dalam mencari seorang pengerusi yang sesuai dan berkelayakan. Saya hairan oleh sebab ini kerana Malaysia dengan bilangan penduduk sebanyak 14 juta tentu ada ramai orang berkeliber yang mampu mempengerusikan Jawatankuasa ini. Bagaimanapun, ia tidak sangat lewat. Masanya mungkin telah sesuai kerana negara kita sedang menghadapi satu kemerosotan yang teruk atas sebab turun ekonomi sedunia. Pada tahun lepas iaitu tahun 1981 adalah kali pertama bahawa baki perdagangan (balance of trade) iaitu telah menjadi satu deficit sebanyak \$893.5 juta. Ini telah merosot dalam tahun 1982.

Empat bulan yang pertama menunjukkan satu deficit bagi perdagangan lebih kurang \$1,600 juta.

Tuan Yang di-Pertua, kami semua sedar bahawa ini adalah disebabkan kepada kekurangan permintaan (demand) bagi komoditi-komoditi utama kita, akibatnya pengangguran yang kian bertambah dan aktiviti-aktiviti industri yang kian turun dalam negara-negara membangun yang telah disentuh dalam Titah Ucapan Baginda. Dalam hubungan ini sudahlah sampai masanya bahawa negara kita adalah sangat resilient. Kita seharusnya menegaskan di atas keadaan yang teruk ekonomi negara kita. Tetapi Kerajaan sepatutnya menggunakan sikap yang lebih agresif dalam menggalakkan pertumbuhan perusahaan-perusahaan tempatan atas tempoh kesudahan ini. Pada ketika ini kos modal dalam sebarang pelaburan akan lebih rendah kerana harga rendah dalam jentera. Pelaburan dalam perusahaan-perusahaan yang berasaskan hasil seharusnya digalakkan. Ini akan menolong membanyakkan ekonomi Malaysia dan menstabilkan harga komoditi-komoditi utama kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat masa sudah cukup 6.30. Saya minta dihabiskan ucapan itu.

Tuan Peter Chin Gan Onn: Bolehkah saya menyambung ucapan saya esok, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat boleh disambung esok.

Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.